

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 201 ● 10 - 16 FEBRUARI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 Wilayahku

 @akhbarwilayahku

 Wilayahku

 WK TV

Gempa bumi Turkiye rugut ribuan nyawa Malaysia bersamamu

K OMITMEN Malaysia untuk membantu mangsa bencana gempa bumi di Turkiye mendapat perhatian masyarakat dunia.

Berbagai media antarabangsa melaporkan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) antara pasukan negara asing pertama digerakkan ke kawasan bencana.

Berikut itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu kerajaan menghantar pasukan SAR kedua pada Rabu malam, 8 Februari 2023.

"Pasukan pertama dilihat sangat berkesan dan pihak Turkiye meminta supaya bantuan ditambah," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra pada Rabu.

Sementara itu, Anwar berkata Malaysia akan menyalurkan bantuan berjumlah lebih AS\$2 juta (RM8.6 juta) kepada Turkiye dan Syria berikutan kejadian gempa bumi melibatkan kedua-dua negara itu pada Isnin lalu.

Menurutnya daripada jumlah itu, sebanyak AS\$1 juta adalah daripada Kerajaan Malaysia, manakala AS\$1 juta lagi adalah sumbangan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Beliau berkata sejumlah RM10 juta lagi disumbangkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di mana turut bersetuju secara bersama dalam permulaan penyaluran dana tersebut.

LAGI BERITA DI MUKA 2



LRC Putrajaya bakal pusat rekreasi air bertaraf dunia

» 9-11



The City Boys rampas takhta PMWP

» 12



Senarai penerima DKBWP 2023

» 14-15

Kerjasama DBKL, Think City beri perspektif baharu Kuala Lumpur

JALINAN kerjasama strategik di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan Think City Sdn Bhd sejak lapan tahun lalu berjaya memberikan perspektif baharu Kuala Lumpur ke arah bandar yang lebih vibrant, bertenaga dan mampan.

Melalui kerjasama itu, ia turut membawa beberapa manfaat termasuklah inisiatif penambahbaikan lorong belakang seperti di Jalan Alor, penggunaan semula adaptif seperti Rumah Tangsi dan The Row, Jalan Doraisamy, transformasi hijau di Laman Tun Perak dan pengaktifan lebih banyak ruang awam di Laman Sogo.

Menerusi pelaksanaan lebih daripada 165 projek dan 120 acara budaya, bengkel dan sesi jangkauan yang merangkumi program penambahbaikan lorong, penggunaan semula adaptif, transformasi hijau, pengaktifan ruang dan lain-lain lagi, DBKL dan Think City merupakan gabungan strategik yang memandu Kuala Lumpur sebagai bandar raya mampan.

LAGI BERITA DI MUKA 3

Pasukan pertama dihantar untuk misi menyelamat

SMART bantu misi SAR di Turkiye

MALAYSIA menjadi pasukan negara asing pertama tiba di Turkiye bagi membantu misi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa tragedi gempa bumi di negara itu.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan memaklumkan Malaysia berjaya menghantar Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dalam tempoh kurang 12 jam.

Katanya, ia adalah hasil penyelaras yang amat baik antara kesemua agensi kerajaan Malaysia, Kedutaan Besar Malaysia di Ankara dan Konsulat Jeneral Malaysia di Istanbul serta Kedutaan Besar Republik Turkiye di Kuala Lumpur dan Turkish Airlines.

"Susulan arahan Perdana Menteri, kerajaan menghantar pasukan SMART ke Turkiye untuk terlibat dalam misi bantuan SAR mangsa yang terjejas bersama Pi-hak Berkusa Tempatan (PBT).

"Seramai 70 anggota terbabit selamat tiba di Istanbul pada Rabu, pukul 6 pagi waktu tempatan dan terus digerakkan ke Adana bagi misi SAR di kawasan berkenaan yang terletak 500 kilometer (km) dari Ankara atau 987 km dari Istanbul," katanya.



MENTERI Luar Negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (dua dari kanan) beramah mesra dengan kumpulan pertama pasukan SMART di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin.

Dalam pada itu, Kementerian Luar turut menasihati rakyat Malaysia yang sedang berada di Turkiye, Syria dan negara berdekatan, supaya terus mengambil langkah berwaspada dan sentiasa

mengikuti perkembangan terkini. "Patuhilah nasihat yang dikeluaran PBT dari semasa ke semasa.

"Sekiranya memerlukan bantuan segera, warga Malaysia di negara-negara ini dinasihatkan segera

berhubung dengan Kedutaan-Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Ankara, Beirut atau Konsul Jeneral Malaysia di Istanbul atau Konsul Kehormat Malaysia di Damsyik," katanya.

Kerajaan berusaha keluarkan 13 orang rakyat Malaysia

KERAJAAN sedang berusaha membawa keluar 13 rakyat Malaysia yang masih terperangkap di beberapa wilayah yang terlibat dalam kejadian gempa bumi di selatan Turkiye, kata Timbalan Menteri Luar, **Datuk Mohamad Alamin**.

Beliau berkata ketika ini, Wisma Putra mengadakan perbincangan dengan Kedutaan Besar Malaysia di Ankara dan Konsulat Jeneral di Istanbul mengenai kaedah bagi tujuan itu sebelum disusuli proses membawa mereka pulang ke tanah air.

Katanya rakyat Malaysia terbabit terdiri daripada 11 lelaki dan dua wanita yang bekerja dalam pelbagai bidang di Turkiye.

"Walaupun perhubungan agak sukar kerana perkhidmatan telekomunikasi terputus tetapi alhamdulillah, mereka sihat dan selamat."

"Saya harap keluarga mereka di tanah air tidak bimbang. Kita (Wisma Putra) akan beri perkembangan mengenai mereka dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan pelepasan Misi Bantuan



MOHAMAD

Kecemasan Gempa Gaziantep Turkiye dan Syria Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada Isnin.

Mohamad berkata MAPIM merupakan badan bukan kerajaan (NGO) pertama menghantar bantuan kemanusiaan ke Turkiye yang disertai 11 anggota delegasi termasuk empat petugas media bagi membantu misi operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa gempa bumi yang melanda negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif MAPIM, Dr Ahmad Sani Abdul Alim Araby pula berkata misi kemanusiaan itu dijang-

ka tiba di Istanbul pada Rabu dan akan berada di Turkiye serta Syria selama 17 hari.

Sementara itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan angka korban tragedi itu boleh mencapai 20,000 nyawa.

Misi SAR sedang dijalankan dan kerajaan Turkiye telah melaksanakan rancangan kecemasan gred empat serta membuka laluan bagi bantuan antarabangsa. **WK**

Kedutaan Turkiye seru salur bantuan kewangan melalui akaun rasmi

MANA-MANA pihak yang ingin menyalurkan sumbangan kepada kerajaan Turkiye susulan gempa bumi yang melanda negara itu pada Isnin, boleh berbuat demikian melalui akaun bank rasmi milik Kedutaan Turkiye di Malaysia.

Dalam satu hantaran di laman sosial, pihak kedutaan berkata sumbangan tersebut bagi menyokong operasi mencari dan menyelamat (SAR) berikut bencana tersebut yang boleh dibuat dalam Ringgit Malaysia melalui pindahan wang melalui bank ke nombor akaun rasmi kedutaan.

Menurut kenyataan itu, sumbangan akan dihantar segera kepada agensi bantuan rasmi di Turkiye bagi memudahkan operasi SAR di kawasan bencana.

Dalam pada itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali bersama Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir berkata mana-mana pihak boleh berhubung dengan Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) untuk menyalurkan sumbangan serta pendekatan bantuan itu sedang dirangka.

"Sebaik sahaja dapat arahan mereka akan maklumkan, di peringkat kita saya telah berbinang dengan Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, kita mengambil pendekatan proaktif walaupun bantuan itu belum diperlukan tadi kita buka platform di NADMA.

"Pihak yang ingin menyalurkan sumbangan boleh berdaftar sekarang (dengan NADMA), serta bentuk bantuan

yang ingin diberikan, kita juga akan dapatkan maklumat tersebut.

"Sebaik sahaja dimaklumkan Kedutaan Turkiye di Malaysia apa diperlukan, kita boleh segera bertindak. Jadi masyarakat awam, badan bukan kerajaan (NGO), boleh menghubungi pihak NADMA memaklumkan hasrat mereka untuk membantu," katanya pada Isnin. **WK**



ANNOUNCEMENT

The donations for support of the search & rescue operations in view of the recent earthquakes in Turkiye could be also made in Ringgit Malaysia through bank transfer to the Embassy's official account number stated below:

The donations will swiftly be forwarded to official aid agencies in Turkiye.

Bank Name	: CIMB Bank
Account No	: 8008447369
Account Name	: Embassy of the Republic of Turkey
Account Type	: RM

Agensi agama perlu tingkatkan program perpaduan

Giatkan usaha satukan rakyat

AZLAN ZAMBRY

KERAJAN Persekutuan akan memperhebatkan lagi usaha memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang selaras dengan konsep Membangunkan Malaysia Madani seperti yang diizahirkann Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata pihaknya menyambut baik perkara itu dan akan memperkasa agensi di bawahnya bagi melaksanakan program yang berteraskan perpaduan dalam kalangan rakyat.

"Kita di agensi agama termasuk di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) menyokong penuh gagasan ini dan akan perhebatkan lagi program ke arah penyatuan serta perpaduan seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Jamuan Muhibah Tahun Baharu Cina anjuran YADIM di Pusat Belia Antarabangsa pada Ahad.



MOHD Na'im (dua dari kanan) dan Wan Azizah (tengah) bersama jemputan menggauli 'Yee Sang' pada Jamuan Muhibah Sempena Tahun Baharu Cina 2023 di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur pada Ahad.

rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Jamuan Muhibah Tahun Baharu Cina anjuran YADIM di Pusat Belia Antarabangsa pada Ahad.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen

Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin.

Terdahulu, lebih 500 tetamu menghadiri program yang bertujuan mendekatkan YADIM dengan masyarakat khususnya komuniti Cina selain melaksanakan pelbagai

pendekatan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Selain jamuan makan, tetamu dihiburkan dengan persembahan tarian singa, pemeriksaan kesihatan percuma, jualan buku serta pameran.

YADIM turut menganjurkan Jualan Rahmah yang menawarkan

pelbagai barang keperluan harian pada harga berpatutan untuk penduduk sekitar Parlimen Bandar Tun Razak.

Sementara itu, Wan Azizah berkata walaupun terdapat perbezaan agama dan budaya antara pelbagai kaum di negara ini, namun semua pihak harus menjunjung semangat dan cita-cita Malaysia Madani yang dapat mengekalkan keharmonian dan kemakmuran sekali gus mewujudkan keadaan politik yang stabil bagi membangunkan ekonomi.

Jelasnya, Malaysia sebagai sebuah negara majmuk tidak pernah bebas daripada pelbagai masalah selagi mana rakyat bertolak ansur dan menghargai satu sama lain.

"Toleransi adalah model untuk mengukuhkan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia. Saya percaya itu nilai toleransi bukan sahaja digalakkan dalam Islam, tetapi juga dalam agama lain," katanya.

Pada majlis tersebut, kira-kira 200 keluarga dari Parlimen Bandar Tun Razak menerima sumbangan barang keperluan dapur daripada YADIM. **WK**

MoU DBKL, Think City rancakkan pengindahan bandar raya Kuala Lumpur

DARI MUKA HADAPAN

KERJASAMA di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Think City Sdn Bhd sebuah entiti di bawah Khazanah Nasional Berhad diteruskan bagi memastikan Kuala Lumpur kekal *vibrant*, mampan dan berdaya saing.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata pihaknya berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan lebih banyak inisiatif dan program bagi meningkatkan kualiti kehidupan warga kota dari sudut ekonomi, fizikal, sosial dan alam sekitar.

"Inisiatif tersebut dikenali sebagai *urban content* bagi menjadikan bandar raya Kuala Lumpur lebih cantik, indah dan *vibrant* dan membolehkan menarik lebih ramai pengunjung ke Kuala Lumpur.

"Ia secara langsung akan turut menarik lebih banyak pelaburan sekali gus mencipta banyak peluang pekerjaan kepada warga kota," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara DBKL dengan Think City di Ibu Negara pada Rabu.

Hadir sama, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin dan Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed.

Menjelas lanjut, Mahadi berkata



MAHADI (kiri) dan Hamdan (kanan) bertukar dokumen MoU sambil disaksikan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Azman Abidin (tengah) pada Rabu.

manfaat daripada kerjasama tersebut turut dirasai pemilik bangunan dan hartaan di ibu kota melalui potensi harta mereka daripada ekonomi yang *vibrant* ini.

"Di antara inisiatif yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan termasuklah menghidupkan semula *dilapidated* atau *rundown areas* di kawasan-kawasan *downtown* Kuala Lumpur di mana data semasa menunjukkan satu trend baharu iaitu *people are coming back to stay in the city centre*," katanya.

Beliau berkata Memorandum Persefahaman (MoU) di antara DBKL dan Think City Sdn Bhd ini sudah tentu akan dapat merealisasikan inisiatif menghidupkan semula serta mengindahkan

bandar raya Kuala Lumpur ini.

"Melalui kerjasama ini juga, usaha pemuliharaan bangunan warisan dan pengaktifan ruang-ruang awam boleh dilaksanakan dengan lebih banyak lagi melalui pelaksanaan Kuala Lumpur Creative and Culture District (KLCCD) Blueprint," katanya.

Tambah Mahadi, melalui kerjasama itu, ia turut membawa beberapa manfaat termasuklah inisiatif penambahbaikan lorong belakang seperti di Jalan Alor, penggunaan semula adaptif seperti Rumah Tangsi dan The Row, Jalan Doraisamy, transformasi hijau di Laman Tun Perak dan pengaktifan lebarnya banyak ruang awam di Laman Sogo. **WK**

Mahu suntik nafas baharu untuk ibu kota - Hamdan

MENYEDARI bahawa bandar raya semakin sepi disebabkan fungsi tradisional kerajaan dan kewangan serta penduduk berpindah ke pinggir bandar, ia menjadi penyebab untuk Think City Sdn Bhd mahu menyuntik nafas baharu ke atas ibu negara Kuala Lumpur, kata Pengarah Urusan Think City, **Hamdan Abdul Majeed**.

Jelasnya, terdapat banyak aset warisan dan budaya di pusat bandar Kuala Lumpur, termasuk Dataran Merdeka di mana kemerdekaan telah diisytiharkan, serta terdapatnya kluster bangunan kolonial terbesar di negara di sini yang berpotensi untuk melalui proses peremajaan untuk menjadikan ia sebagai bandar raya lebih berdaya huni, mampan dan saksama bagi semua.



HAMDAN

"Ianya bukan satu kejutan bahawa usaha peremajaan di pusat bandar Kuala Lumpur oleh usahawan kreatif telah menjadi tular dan menarik ramai pengunjung dan menunjukkan minat yang lebih meluas di kawasan ini."

"Usaha penjanaan semula bandar berdasarkan budaya membawa banyak peluang ekonomi, termasuk penciptaan

pekerjaan dan penjanaan pendapatan. Ianya juga mempunyai manfaat sosial seperti menyokong kesihatan dan kesejahteraan yang seterusnya menjadikan bandar kita lebih inklusif," katanya.

Menjelas lanjut, Hamdan berkata sekiranya diteliti dengan terperinci, dari hab kreatif dan budaya bandar lain dari seluruh dunia, ia telah memberikan manfaat yang besar dari pelbagai aspek untuk bandar raya tersebut.

"Seperti Bilbao dan Barcelona di Sepanyol, Sharjah di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kowloon Barat di Hong Kong, destinasi kreatif ternyata membawa pulangan besar kepada ekonomi negara."

"Ini menekankan lagi keperluan untuk mengukuhkan pusat bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah destinasi kreatif, sebagai tarikan untuk pelawat sambil kita menambah baik ruang awam melalui koridor hijau," katanya. "sambil menambah inisiatif pendekatan tersebut merupakan cadangan daripada Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Budaya Kuala Lumpur (KLCCD). **WK**

Projek Pembangunan Kampung Sungai Baru

Penduduk rayu PM teruskan

AZLAN ZAMBRY

LEBIH 260 penduduk Kampung Sungai Baru, Kampung Baru menyerahkan memorandum bagi merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meneruskan projek pembangunan semula di tapak itu tanpa berlengah lagi.

Memorandum itu yang turut meminta pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan isu tersebut diterima Setiausaha Politiknya, Azman Abidin dalam satu perhimpunan di kawasan itu pada Sabtu.

Jurucakap kumpulan itu, **Mohd Adam Abdul Aziz** berkata isu itu telah berlarutan selama hampir tujuh tahun tanpa penyelesaian tuntas.

"Kami menggesa Perdana Menteri untuk turun padang dan mendengar kesusahan penduduk yang majoritinya menyokong projek ini," katanya.

Memorandum itu sebagai maklum balas kepada laporan media bahawa pembangunan semula itu akan ditangguhkan untuk membolehkan rundingan lanjut antara pemaju dan sekumpulan penduduk yang menentang projek itu.

Mohd Adam berkata bahawa pe-



AZMAN (dua dari kiri) menerima memorandum yang diserahkan oleh Mohd Adam pada Sabtu.

maju Ritzy Gloss Sdn Bhd telah mengikuti proses undang-undang yang sewajarnya dan telah pun membayar pampasan kepada penduduk.

Azman berkata beliau telah bertemu dengan semua pihak berkepentingan termasuk penduduk yang menentang pembangunan semula, pemaju dan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

"Maklumat itu akan diben-

tangan kepada Perdana Menteri untuk disemak dan membuat keputusan," katanya.

Pengerusi Persatuan Kebajikan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru, Zulfakar Wahid berkata perhimpunan semalam adalah untuk menunjukkan majoriti penduduk menyokong pembangunan semula itu.

"Keputusan kerajaan untuk menangguhkannya memberi gambaran bahawa suara kami tidak

didengari," katanya sambil menambah bahawa hampir 90 peratus penduduk telah bersetuju dengan rancangan itu.

Kampung Sungai Baru diapit antara Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) dan Kampung Baru. Ia menempatkan 264 unit rumah pangsa PKNS dan 64 rumah teres – semuanya terletak di atas tanah pajakan seluas 5.23 hektar milik Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

Awal tahun lalu, kontroversi tercusus selepas sekumpulan penduduk membantah rancangan pembangunan semula itu dengan mendakwa nilai pampasan yang ditawarkan rendah berbanding potensi kawasan itu.

Pelan pembangunan semula itu bermula pada 2016 dan kira-kira 60 sesi pendengaran dan pertemuan telah diadakan sehingga 7 Oktober 2020 dengan menyaksikan kira-kira 67 peratus atau 219 pemilik yang memberikan persetujuan mereka.

Sehingga kini, kira-kira 37 pemilik rumah teres masih belum menyatakan persetujuan dan menggesa campur tangan Perdana Menteri menyelesaikan kemelut terhadap projek berkenaan. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN
Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN
Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my

Jumlah penumpang harian MRT laluan Putrajaya dijangka cecah 200,000

JUMLAH penumpang harian perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya yang beroperasi sepenuhnya pada pertengahan Mac ini dijangka mampu mencecah kira-kira 200,000 dalam masa dua tahun.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata MRT Laluan Putrajaya Fasa Dua kini siap 99.9 peratus dan berharap dapat menarik lebih ramai pengguna pengangkutan

awam menggunakan perkhidmatan itu.

"Untuk tempoh satu hingga dua tahun, kami harap ia dapat cecah 200,000 penumpang harian, itu memang harapan kami, tetapi seperti mana-mana perkhidmatan MRT atau LRT (Transit Aliran Ringan), ia akan mengambil masa untuk capai sasaran itu.

"Seperti MRT1 juga Kajang Line (MRT Laluan Kajang), kita bermu-

la dengan jumlah yang rendah tetapi kemudian ia telah mencecah kira-kira 200,000 sekarang. Ia ambil masa kira-kira dua tahun untuk capai jumlah itu," katanya pada sidang media di Depoh MRT Sungai Buloh, pada Selasa.

Loke berkata projek MRT Laluan Putrajaya itu menelan belanja RM30.53 bilion untuk kos pembinaan dan kos sistem meliputi 36 stesen melibatkan 49 set kereta

api. Beliau berkata pada permulaan apabila ia mula beroperasi nanti akan dimulakan dengan frekuensi lima minit untuk setiap tren.

Ditanya berkenaan status terkini MRT3, Loke berkata pihaknya sedang menunggu kelulusan projek dan penganugerahan tender daripada Kementerian Kewangan.

Terdahulu, Loke mengadakan lawatan kerja ke MRT Laluan Putrajaya

bermula dari stesen Putrajaya Sentral ke stesen Titiwangsa, sebelum menuju ke stesen Kwasa Damansara.

Loke berkata pihaknya juga merancang untuk memperluas stesen Titiwangsa yang juga sebahagian daripada laluan tersebut sebagai antara hab pengangkutan utama yang menghubungkan beberapa mod pengangkutan iaitu monorel, LRT laluan Ampang, MRT2 (Laluan Putrajaya) serta MRT3 yang bakal dibina. **WK**

CERITA KEDAI KOPITIAM

Agong dikenang warga WP

TERSENTUH hati kawan-kawan Kedai Kopi apabila mendegar titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, pada Majlis Penganugerahan Pingat Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari lalu.

Titah baginda, Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan tahun ini adalah yang terakhir dapat baginda sempurnakan sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Ini kerana baginda yang memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Januari 2019 akan tamat tempoh pemerintahan lima tahun pada 31 Januari 2024, sebelum sambutan Hari Wilayah pada tahun hadapan.

Sekalipun masih ada beberapa bulan baginda bersemayam, titah baginda itu terasa sangat menyentuh perasaan, terutama bagi warga Wilayah Persekutuan (WP). Ia memberi ingatan

kepada warga WP khasnya dan negara amnya bahawa menjelang Januari tahun hadapan baginda akan kembali menduduki takhta selaku Sultan Pahang.

Yang nyata, perhatian dan kasih sayang baginda terhadap WP tidak luntur. Titah baginda, kenangan bersemayam di ibu kota metropolitan akan kekal dalam sanubari baginda dan Raja Permaisuri Agong.

Baginda menzahirkan penghargaan terhadap keramahan serta budi pekerti warga kota yang terserah ke mana sahaja baginda berdua berangkat, sama ada bagi acara rasmi atau lawatan santai ke masjid dan surau, pusat beli-belah, kedai dan pasar, restoran serta gerai.

Baginda bertitah, melalui lawatan dan ziarah ini baginda dapat mendampingi dan mengenal rakyat daripada berbilang keturunan, bangsa dan agama serta tidak segan berbual bicara dengan baginda berdua.

Baginda kagum walaupun kebanyakan warga kota setiasa sibuk dengan urusan harian masing-masing, semangat toleransi dan kemesraan tetap dipelihara dan perhubungan antara kaum kukuh terjalin.

Justeru baginda bertitah mengingatkan semua pihak agar terus memupuk nilai murni

ini serta mempertahankan perpaduan yang wujud demi kestabilan dan kesejahteraan WP. Harapan baginda, dengan sikap itu juga akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan disegani.

Kawan-kawan Kedai Kopi mengakui kehadiran baginda dan Raja Permaisuri Agong memang dikagumi oleh semua lapisan rakyat. Ini kerana baginda berdua sangat mesra rakyat dan mudah didampingi, tanpa terlalu terikat dengan protokol.

Ini terbukti daripada sifat baginda yang amat prihatin dengan masalah rakyat. Baginda sanggup berhenti di perjalanan jika bertembung orang awam terlibat kemalangan dan bersedia memberi bantuan serta kata-kata nasihat juga semangat. Baginda tidak keberatan jika diminta bergambar bersama sebagai tanda kenangan.

Sifat rendah diri baginda terserah lantaran sedia mencemar duli menjamu selera santap di restoran-restoran atau gerai dan kedai makanan segera, bercampur dengan orang ramai. Malah baginda sendiri berbaris memesan makanan.

Rakyat begitu menyanjung sikap baginda kerana ia memberi peluang kepada mereka bertemu muka dengan baginda dan berbual bicara. Untunglah mereka yang pernah berjumpa baginda dan merasai sendiri

kemesraan sikap baginda dan Raja Permaisuri Agong.

Kawan-kawan Kedai Kopi juga sedar betapa mesranya baginda dengan petugas media. Tentunya ini lebih dirasai oleh petugas media yang menyanjung kemesraan dan sikap prihatin baginda melayan mereka ketika menjalankan tanggungjawab.

Contohnya, ketika pengamal media berkumpul di dua pintu Istana Negara menunggu berita perkembangan pergolakan politik negara, baginda mencemar duli membelanjakan mereka dengan makanan segera.

Begitu juga pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, baginda berkenan mencemar duli mengajah makanan kepada pengamal media yang berkumpul di pintu istana negara menanti perkembangan terkini.

Sesungguhnya sikap prihatin yang dipamerkan baginda ini sangat terkesan di hati pelbagai lapisan rakyat. Ia tidak mudah terpadam, malah diingat selama-lamanya.

Seperti mana juga baginda mengingati kemesraan rakyat, maka begitu juga rakyat akan tetap mengingati baginda walau sudah tidak memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong selak. Dirgahayu Tuanku!

JWP lebih signifikan, jamin kesejahteraan Wilayah Persekutuan



WALAUPUN bukan lagi berfungsi sebagai sebuah kementerian, namun tadbir urus dan kawal selia Wilayah Persekutuan masih diletakkan di bawah fungsi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) seperti mana ketika dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sebelum ini.

Bagi mengetahui lebih lanjut tentang peranan JWP, ikuti temu bual bersama Ketua Pengarhnya, **Datuk Seri Rosida Jaafar**.

WILAYAHKU: Boleh datuk kongsikan sedikit mengenai peranan baru JWP?

ROSIDA: JWP telah diletakkan secara terus sebagai sebuah agensi di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Dalam hal ini, peranan dan fungsi JWP menjadi lebih signifikan memandangkan hal ehwal Wilayah Persekutuan kini ditadbir secara terus di bawah kawalan Perdana Menteri.

Ia akan kekal komited dalam meneraju Wilayah Persekutuan ke arah pembangunan fizikal, ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang mampan melalui kerjasama strategik yang inklusif dalam menjamin kemajuan dan kesejahteraan seiring matlamat Malaysia MADANI dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

JWP melalui Pelan Strategik JWP 2021-2025 telah menggariskan sebanyak 78 program dan aktiviti terangkum dalam lapan teras strategi utama iaitu Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Sistem Pengangkutan yang Efisien, Sosioekonomi Mampan, Persekutaran Hijau, Komuniti Inklusif, Perancangan dan Pengurusan Guna Tanah yang Mampan dan Tadbir Urus dan Keupayaan Organisasi.

Apakah yang menjadi fokus JWP bagi mencapai visi dan

misi utama menjadi Wilayah Persekutuan yang maju dan sejahtera?

Mewujudkan dan melaksanakan dasar dan program khusus Wilayah Persekutuan iaitu Dasar Perumahan Mampu Milik, Tabung Penyelenggaraan Wilayah Persekutuan, Penyediaan Garis Panduan Pembangunan Semula Kuala Lumpur, Dasar dan Pelaksanaan Inisiatif Usahawan Anak Muda Kota, Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga dan Program Biodegradasi.

Bertanggungjawab bagi Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan. Fungsi ini termasuklah menggerakkan Jawatankuasa Bencana Negeri dan Daerah, mempengaruhi Jawatankuasa Keselamatan Negeri, melaksanakan Pelan Mitigasi Banjir dan cerun.

Menguruskan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan termasuk urusan mengenai Darjah Kebesaran, Pingat dan Bintang Wilayah Persekutuan.

Bagaimana memastikan kesejahteraan bandar terpelihara?

Memperkuatkan jaringan keselamatan sosial dalam kalangan warga wilayah melalui Program 5My@ Wilayah (*MyGrocer, MyFood, MyMedic, MySchoolBus, MyJob*), inisiatif Jualan Rakyat, menguruskan isu gelandangan,



membasmi kemiskinan tegar dan membantu rakyat melalui pemberian pengangkutan awal secara percuma.

Antara fungsi-fungsi sebuah negeri yang dijalankan JWP?

Mengawal selia pelaksanaan dan perjalanan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), melaksanakan fungsi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri, mengawal selia pengurusan sukan Wilayah Persekutuan, memantau dan

menjaga hal ehwal tanah di Wilayah Persekutuan, hal-hal persempadan dan penurusan sumber air Wilayah Persekutuan.

Antara projek-projek pembangunan yang dilaksanakan?

Sebagai contoh Projek River of Life, pelaksanaan inisiatif Smart City, Safe City, Green City, Pembangunan Kampong Bharu, Jambatan Labuan, Rel Putrajaya, Utility Mapping dan Pusat Stockpile bahan binaan.

Menjalankan fungsi-fungsi Pihak Berkusa Tempatan (PBT) iaitu memperbanyak taman awam dan rekreasi, melaksanakan inisiatif bebas karbon, inisiatif perubahan iklim, pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam dan kebun bandar.

Melaksanakan Perancangan Pemajuan atau Pelan Pembangunan Wilayah Persekutuan melalui penyediaan draf Pelan Struktur dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur, Rancangan Struktur Putrajaya dan Rancangan Struktur Labuan. **WK**



ROSIDA sentiasa turun padang meninjau dan menyelesaikan permasalahan penduduk bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga Wilayah Persekutuan sentiasa terjamin.

Mesin taip dalam hidup saya



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA tahun 1983 ketika masih tinggal di kampung, saya menonton filem All The President's Men di televisyen. Kalau tidak silap di TV2. Filem itu mengenai skandal Watergate ini diterbitkan tahun 1979. Lebih separuh dari babak filem itu berlatarkan pejabat pengarang surat khabar *The Washington Post*.

Itulah pertama kali saya melihat pejabat pengarang surat khabar. Ada rasa teruja yang luar biasa untuk duduk dalam suasana berkenaan. Mesin taip menjadi antara yang paling kerap dirakam oleh kamera. Bunyi ketikan mesin taip seolah-olah muzik latar bagi filem arahan Alan J Pakula itu.

Tulisan ini tidak membincangkan mengenai filem berkenaan. Sebaliknya saya menoleh kembali nostalgia mesin taip dalam hidup saya. Mesin taip adalah satu antara banyak lagi benda yang diinginkan tetapi tidak mampu dimiliki ketika itu.

Oleh sebab yang demikian, ketika mula bertatih menulis untuk surat khabar terpaksa dihasilkan dengan tulisan tangan. Kemudian meminta kawan-kawan yang menjadi guru dan kerani menaip semula di pejabat mereka.

Memang sangat meremeh lagi menyukarkan. Akan tetapi hanya itulah sahaja cara yang ada. Kawan-kawan pula memahami 'kegilaan' saya yang luar biasa itu. Saya sangat terhutang budi kepada mereka yang sangat baik hati dan kebaikan itu tidak pernah terusir dari ingatan.

Ketika itu saya bertekad bahawa suatu hari nanti akan membeli sebuah mesin taip dan bunyinya pasti mengisi keheningan malam di kayu tepi sawah itu. Tetapi sudah menjadi adat orang tidak berada, memiliki dalam impian pun sudah cukup sebelum sesuatu itu berada di depan mata.

Ketika pertama kali menjelak kaki di Utusan Melayu, Kuala Lumpur untuk melaporkan diri sebagai wartawan tahun 1984, ingatan saya tertoleh kembali pada filem All The President's Men. Bukan tentang ceritanya, tetapi suasana di pejabat surat khabar yang penuh dengan mesin taip.

Pada hari bersejarah itu saya seolah-olah berada dalam filem All The President's Men berlatarkan tahun 1975. Hingga kini saya



MESIN taip memainkan peranan penting kepada penulis dan wartawan di suatu ketika dahulu.

sangat merindui bunyi mesin taip. Akan tetapi bunyi yang indah itu telah lama hilang.

Ketika terkenang tahun-tahun awal di Utusan Melayu, bunyi mesin taip yang paling pantas melintas di ingatan. Bunyinya seperti berada di sisi saya.

Ketika baru bekerja dulu, saya tidak mempunyai mesin taip. Beberapa bulan jugalah terpaksa meminjam daripada wartawan lain untuk membuat tugas. Memang segan, tetapi terpaksa kerana tidak ada pilihan. Antara yang selalu saya pinjam ialah mesin taip wartawan senior, Allahyarham Misnah Omar.

Sebenarnya tidak banyak wartawan yang berani meminjam mesin taip Misnah. Allahyarham garang dan selalu sergha wartawan baru. Suatu hari terjegil mata Misnah apabila dapat tahu saya telah 'rembat' mesin taip dia di bawah meja.

Niat baik dibalas baik. Misnah memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan mesin taipnya bila-bila sahaja. Malah Misnah juga antara yang banyak menegur kerja-kerja saya. Allahyarham ada sumbangannya pada kerjaya saya.

Sebenarnya agak menyeksakan meminjam mesin taip orang. Apabila ilham datang bertali arus, banyak perkara hendak ditulis. Tetapi dengan tiba-tiba terbantut kerana tidak ada mesin taip. Semuanya digunakan oleh tuan punya.

Kedua-dua yang sedemikian memaksa saya mengumpul duit lebih kurang tiga bulan lamanya untuk membeli sebuah mesin taip. Saya sudah lama meninjau di beberapa kedai di Chow Kit untuk mendapat harganya. Apabila duit sudah cukup di tangan, mesin taip

“Ketika baru bekerja dulu, saya tidak mempunyai mesin taip. Beberapa bulan jugalah terpaksa meminjam daripada wartawan lain untuk membuat tugas.”

jenama Olivetti menjadi milik saya.

Harganya lebih kurang RM250. Tidak ingat dengan tepat kerana berlaku hampir 40 tahun dulu. Bagi saya kegembiraan dapat membeli mesin taip sama seperti orang lain membeli kereta baru. Terlalu gembira kerana alat untuk bekerja berada di tangan.

Walaupun begitu, tanpa duit yang dibekalkan ayah dan ibu ketika hendak bertolak ke Kuala Lumpur, rasanya lambat lagi untuk membeli mesin taip. Gaji hanya RM325 sebulan. Harga mesin saja pun sudah lebih separuh daripada gaji sebulan.

Zaman itu membuatkan saya sangat mengerti tentang hidup – ia sukar dan menuntut ketabahan. Tidak semua benda dapat dimiliki kita sangat memerlukan untuk meneruskan hidup.

Dapat membeli sebuah mesin taip walaupun yang paling murah adalah kejayaan peribadi yang membanggakan. Saya seumpama mulai membeli perkakas untuk 'bersawah' di Utusan Melayu. Itulah cangkul atau tajak yang digunakan untuk meneroka sawah baharu.

Saya segera menulis surat

kepada ayah dan ibu memberitahu sudah membeli mesin taip. Saya sangat mengerti akan keresahan kedua-dua mereka apabila tidak mempunyai alat keperluan untuk bekerja. Ayah tahu bidang kerja saya menggunakan mesin taip.

Ketika itu kerap kali juga saya menjinjing mesin taip dalam bekasnya seperti briefcase balik ke rumah sewa. Kadang-kadang apabila tidak selesai menulis di pejabat, saya menyambung di rumah sewa. Selepas tengah malam, bunyi mesin taip saya memenuhi ruang sunyi di flat murah itu.

Mesin taip yang digunakan wartawan Utusan Melayu ketika itu kebanyakannya sudah ronggak dan tidak berkulit. Boleh nampak segala isi perut mesin taip yang mengalirkannya kepada keluarga masing-masing. Bagaimanapun kerana dijaga dan selalu dibubuh minyak, bunyinya perlahan dan lancar.

Kepada penulis atau wartawan ketika itu, mesin taip sangat memainkan peranan. Kelancaran mesin taip sekalipun sudah lama membantu mengalirkannya ilham dengan jelas dan pantas. Masa-masa begitulah wartawan tidak angkat kepala, matanya hanya tertumpu di butang mesin taip.

Ketika semua orang menggunakan mesin taip, bagi saya itu cara yang termoden berbanding menulis dengan tangan. Tidak ada masalah untuk membuat suntingan atau mengubah perenggan. Caranya menaip semula semuanya sekali. Memang menjadi bertambah kerja, tetapi waktu itu perkara biasa.

Pengarang berita akan membuat suntingan di atas kertas, dikembalikan kepada wartawan

dan mesti dinaip semula semuanya. Sebab itulah pejabat surat khabar pada tahun-tahun berkenaan berselerak dengan kertas.

Sana sini kertas. Bersepah di atas lantai. Helaian yang tidak digunakan dikepal dan dilontarkan ke arah bakul sampah. Banyaknya tidak masuk pun dalam bakul.

Tahun 1990 komputer mula digunakan di pejabat pengarang Utusan Melayu.

Bagaimanapun peralihannya berlaku secara berperingkat dan perlahan. Masih ada wartawan yang cuba bertahan dengan mesin taip. Mereka tidak selesa kerana keyboard komputer tidak sama dengan mesin taip.

Hari ini mesin taip sudah menjadi seperti seterika arang, hanya menjadi barang perhiasan di sudut ruang tamu. Zaman telah meninggalkan mesin taip jauh di belakang. Akan tetapi kenangan bersama mesin taip tidak pernah terpadam.

Sajak

SELAMAT HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

Menyelusuri sejarah silam Kuala Lumpur diisytiharkan Wilayah Persekutuan 1 Feb 1974 Labuan diisytiharkan Wilayah Persekutuan 1 Feb 1984 Putrajaya diisytiharkan Wilayah Persekutuan 1 Feb 2001 Penyatuan 3 wilayah utama Semenanjung Sarawak Sabah

'Wilayah Persekutuan Untuk Semua' gambaran nilai perpaduan kesefahaman kekituan gabungan komuniti di Wilayah Persekutuan kalahiran nilai muafakat dihayati seluruh warga

Pusat merangsang ekonomi negara bersayap kemajuan bersebaran menabur seribu keharuman sebagai tanda penuh penghargaan

Penganjuran pelbagai program sampingan melakar keceriaan warga Wilayah Persekutuan di lautan kehangatan keasyikan cinta senada irama bersama sayangilah Wilayah Persekutuan kita.

Noor Izam Samin
UiTM Kampus Jasin.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Patuhi syarat WBB, elak rungutan ramai

INISIATIF Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang tamat Disember lalu disambung hingga bulan Jun 2023. Sejak diperkenal oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa pada 2020, WBB sudah disambung beberapa kali setiap enam bulan.

Tentunya ini kerana sambutan menggalakkan daripada kalangan peniaga yang ingin menyertai inisiatif tersebut, selain terbukti memberi manfaat kepada orang ramai menjadikan perniagaan kecil-kecilan sumber pendapatan.

Ini sejajar dengan matlamat asal WBB membantu mereka yang kehilangan kerja akibat pandemik COVID-19. Pandemik

menyebabkan banyak sektor ekonomi gulung tikar dan akibatnya ramai kehilangan kerja.

Selain memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan barang, di Wilayah Persekutuan WBB menjadi sinar harapan kepada mereka yang hilang kerja ini. Dengan menyertai skim ini dapatlah mereka bernaafas sementara beroleh kerja lain atau boleh terus menjadi peniaga.

Adi sendiri matlamat murni WBB ini berjaya mencapai sasaran. Peniaga kecil semakin ramai muncul menjalankan aktiviti menggunakan khemah atau kanopi dan trak makanan, sesuai dengan konsep WBB yang bukan beroperasi melalui

bangunan kekal. Selesai bernaafas khemah dibuka dan disimpan atau dibawa balik.

Namun apa yang Adi ingin timbulkan di sini ialah sementara WBB dianggap baik oleh peniaga, ia mula menimbulkan kerisauan dalam kalangan orang ramai, terutama di kawasan di mana WBB ini beroperasi.

Antara rungutan utama mereka ialah sikap peniaga yang didakwa tidak mematuhi garis panduan seperti ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kehadiran banyak peniaga di merata tempat menimbulkan persoalan adakah kesemuanya memiliki lesen operasi?

DBKL memberi kebebasan kepada peniaga WBB beroperasi di kawasan pilihan yang bersesuaian. Tetapi mereka mesti memperoleh lesen yang dikeluarkan oleh DBKL. Ini syarat utama untuk membolehkan DBKL memantau aktiviti peniaga.

Namun dengan kemunculan ramai peniaga ini, adakah mereka bernaafas secara sah? Atau adakah di antaranya hanya main cacak kanopi apabila melihat orang lain maju bernaafas? Mungkin mereka berasa selamat tumpang menyelit dalam kalangan peniaga lain. Senang cakap tumpang tuah.

Perkara ini akan hanya dapat dikesan jika DBKL melakukan pemantauan berterusan. Memang sepatutnya peniaga bersikap jujur dengan memohon lesen terlebih dahulu. Tetapi biasanya akan ada sahaja orang yang cuba mengelirukan sistem.

Satu lagi kerisauan orang ramai ialah kawasan bernaafas tidak dijaga dengan baik. Aspek kebersihan tidak diambil berat. Kawasan persekitaran bernaafas kotor, sampah dibiarakan merata-rata. Kanopi tidak disimpan selepas selesai bernaafas, ditinggal begitu sahaja di lokasi.

Perbuatan ini nyata tidak bertanggungjawab. Negara ini telah memberi peluang pekerjaan kepada mereka, jadi janganlah pula membuat onar yang boleh mengancam ketenteraman serta keselamatan negara dan rakyat negara ini.

Ini seperti mengigit tangan yang memberi makan. Negara tidak mengalu-alukan warga asing seperti ini. Jika dapat dikesan pihak berkuasa mesti bertindak tegas dengan menghantar mereka pulang ke negara asal.

Kita menerima warga asing yang ikhlas mahu bekerja, mencari rezeki di bumi permai ini. Tiada tempat untuk mereka yang mahu melakukan jenayah.

Adi—Ada rakan warga asing



PEMANTAUAN DBKL bukan sahaja perlu memastikan segala syarat dipenuhi tetapi hanya yang berlesen sahaja dibenar bernaafas.

Ini melanggar syarat pemberian lesen yang menetapkan kawasan persekitaran mesti sentiasa dijaga bersih. Tiada sampah dibuang merata-rata, kanopi mesti dibawa balik.

Aspek kebersihan yang tidak diambil berat dan kanopi yang ditinggal mencacatkan pemandangan. Inilah yang menimbulkan rasa tidak senang hati orang ramai kerana kawasan kediamaan mereka jadi kotor dan tidak teratur.

Adi difahamkan, orang ramai juga hairan kenapa masak-memasak dibenarkan sedangkan menurut konsep WBB, yang dibenarkan dijual ialah makanan yang sedia dimasak sahaja. Tiada masak-memasak di kawasan niaga kerana akan mengotorkan kawasan.

Masak-memasak ini juga menimbulkan bermacam bunyi, ditambah pula bunyi bising peniaga dan pembeli menyebabkan pencemaran bunyi yang serius. Kesannya tentu dirasai oleh yang tinggal di sekitar. Tentu sahaja mereka naik angin jika saban hari melalui keadaan ini.

Satu lagi syarat lesen WBB ialah aktiviti niaga tidak menghalang pergerakan orang ramai dan tidak menganggu kawasan parkir. Namun apabila

susun letak sudah tidak teratur, tentu sahaja ia menyusahkan pergerakan orang ramai dan menghalang kelancaran lalu lintas.

Oleh itu pada pandangan Adi, mereka yang telah dilesen bernaafas melalui WBB patuhilah peraturan ditetapkan demi kebaikan mereka dan orang ramai. Rasanya tidak ada bantahan atau rungutan daripada orang ramai jika perniagaan dijalankan secara sistematis mematuhi syarat.

Pemantauan DBKL bukan sahaja perlu memastikan segala syarat dipenuhi tetapi hanya yang berlesen sahaja dibenar bernaafas. Syarat pemberian lesen sebenarnya tidak ketat kerana DBKL tidak mahu menghalang orang ramai bernaafas. Oleh itu jangan mengambil kesempatan bernaafas ikut cita rasa sendiri.

Peluang telah diberi. Gunakanlah sebaik-baiknya. Ramai peniaga jujur mencari rezeki dengan bernaafas. Perbuatan segelintir yang tidak mematuhi syarat hanya memburukkan nama baik peniaga jujur. Kerana itu wajar sekali tindakan diambil terhadap mereka.

Adi—Sokong peniaga tulen

Adi Taah

Lembah Klang jadi tumpuan warga asing

LEMBAH Klang sejak sekian lama menjadi tumpuan warga asing melibatkan warga Indonesia, Bangladesh, Myanmar terutama kelompok etnik Rohingya, serta warga Nepal. Memerlukan laporan media, kawasan dominasi mereka ialah Keramat, Puchong dan Setiawangsa.

Ketiga-tiga kawasan ini bagi diaklumi warga asing memandangkan ia menyediakan banyak peluang kerja dalam pelbagai sektor. Ini termasuk perniagaan tekstil, sektor pencucian serta bidang perkhidmatan lain.

Kerana itu Adi boleh faham kenapa ramai bertumpu ke Lembah Klang bagai semut menghurungi gula. Di sini mereka mempunyai peluang lebih banyak memperoleh pekerjaan berbanding kawasan lain di ibu negara atau di luar Kuala Lumpur.

Satu lagi faktor kawasan tersebut menjadi tumpuan ialah tempat kerja dan kemudahan awam, termasuk pengangkutan awam, lebih mudah diperoleh dan lebih dekat dengan kawasan kediamaan. Ini memudahkan pergerakan atau *mobility* dalam kalangan mereka.

Sukar untuk mengekang kebanjiran warga asing kerana biasanya mereka tiada masalah bekerja dalam pelbagai sektor, termasuk pembinaan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan. Sikap tenaga kerja tempatan adalah penggalak kepada kedatangan pekerja warga asing.

Malah warga asing ini juga didapati melakukan aktiviti bernaafas walaupun mereka tidak

dibenarkan berbuat demikian. Kawasan seperti Pasar Borong Kuala Lumpur adalah sasaran utama. Kerana itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memantau aktiviti warga asing dan tindakan diambil terhadap mereka yang terlibat bernaafas.

Satu lagi aspek yang tidak menyeronokkan mengenai warga asing ini ialah terdapat di kalangan mereka terlibat dengan kegiatan jenayah. Perkara ini memang tidak harus dibiarkan.

Adi difahamkan, warga Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan Filipina mencatatkan rekod tertinggi tangkapan polis, berbanding warga asing dari negara lain. Ada dalam kalangan mereka beranggapan perbuatan jenayah seperti samun, curi dan pecah rumah sebagai kerja sampingan.

Perbuatan ini nyata tidak bertanggungjawab. Negara ini telah memberi peluang pekerjaan kepada mereka, jadi janganlah pula membuat onar yang boleh mengancam ketenteraman serta keselamatan negara dan rakyat negara ini.

Ini seperti mengigit tangan yang memberi makan. Negara tidak mengalu-alukan warga asing seperti ini. Jika dapat dikesan pihak berkuasa mesti bertindak tegas dengan menghantar mereka pulang ke negara asal.

Kita menerima warga asing yang ikhlas mahu bekerja, mencari rezeki di bumi permai ini. Tiada tempat untuk mereka yang mahu melakukan jenayah.

Adi—Ada rakan warga asing

SKEPTEA SEMASA

**APA?? RM35 SEPINGGAN NASIK??
KATA KAT SINI HIDANG MENU
RAHMAM... TAK PUAS HATI BETUL
LA AKU KALAU GINI!!!**

Wilayah Ku

**MENU
RAHMAM
APA KALAU
UDANG, SOTONG,
KETAM SAMPAI
LIMA-ENAM
EKOR ABANG
LANTAK...**

Sajak

**PUTRAJAYA, KOTA KITA
(Sempena Hari
Wilayah Persekutuan 2023)**

*Peradaban dibina
untuk wilayah bangsa
teguh berkubu
rumpun anasir cemburu
armada gagah bertahan
julang kemerdekaan
antara kita semua
yang menyusun batu
arca sebuah ketamadunan*

**A. Affendi0937 @ Lekir
Puchong, Selangor.**

Banduan, ibu tunggal antara yang diberi peluang

YWP bantu 2,000 peserta latihan kerjaya

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) bakal memberikan peluang kedua kepada individu yang pernah mempunyai sejarah kesalahan kecil undang-undang untuk mendapatkan penempatan pekerjaan lebih baik sekali gus bergelar tenaga kerja mahir atau 'banduan berkemahiran'.

Menerusi Program Latihan Kerjaya Hospitaliti YWP fasa pertama golongan tersebut terdiri daripada 2,000 peserta yang disasarkan adalah warga belia, gelandangan, ibu tunggal, individu kurang upaya, warga emas termasuk golongan terciri di Wilayah Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata pihaknya membantu golongan tersebut mendapatkan sijil,



ZAIZALNIZAM (kiri) menandatangani MoU bersama Dr Sri Kumar (kanan) sambil disaksikan Dr Mohd Kamil Yusoff di Wisma YWP, baru-baru ini.

latihan industri dan penempatan kerja melalui program hospitaliti dan operasi darat industri penerbangan di Universiti Putra Malaysia Education and Training (UPM-ET).

"Bekas banduan juga adalah golongan penting yang perlu dibantu kerana kita sedar bahawa ada dalam kalangan mereka yang masuk ke sana (penjara) atas sebab-sebab yang tidak dijangka.

"Justeru itu, kita beri peluang semula kepada mereka termasuk anak-anak muda yang terciri dalam pelajaran," kata beliau pada sidang media di Wisma YWP, Kampung Baru, baru-baru ini.

Terdahulu, Zaizalnizam menandatangani dan bertukar memorandum persefahaman (MoU) bagi Latihan Kerjaya Hospitaliti YWP bersama Pengurus Besar UPM-ET, Dr Mohd Kamil Yusoff disaksikan Pengarah Kumpulan DHS Hospitality Academy, Dr S Sri Kumar.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata selain UPM-ET, program tersebut akan membabitkan kerjasama dengan DHS Hospitality Academy sebagai rakan strategik UPM-ET yang mana ia menyediakan Program Hospitaliti dan Sektor Penerbangan-Operasi Darat dalam tempoh satu tahun latihan.

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

"DHS Hospitality Academy pernah menjadi perintis dalam menawarkan program penempatan Hospitaliti kepada belia untuk program di Malaysia dan Singapura," ujar beliau. WK

Rai perayaan bersama, pupuk hubungan berbilang bangsa

SERAMAI 35 warga emas dan 15 orang kanak-kanak dirai bersempena Majlis Sambutan Tahun Baru Cina yang berlangsung di Apartment 1 Razak Mansion anjuran Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion dan Kawasan Rukan Tetangga (KRT), baru-baru ini.

Pelbagai acara menarik diadakan sepanjang majlis tersebut antaranya persembahan tarian singa oleh kumpulan Ti-Ratana, tarian kebudayaan dari Urban Fit Resources selain penyampaian sumbangan kepada warga emas dan kanak-kanak.

Menurut Penggerusi

Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion, **Norazizul Abdul Aziz**, program tersebut merupakan satu platform terbaik untuk memupuk hubungan akrab sesama penduduk yang berbilang bangsa dan agama.

"Ia juga dapat menyemai sifat keterbukaan dan penerimaan selain menghormati dan menghayati bahawa setiap kaum mempunyai perayaan yang berbeza namun ia boleh diraikan secara bersama.

"Di kesempatan ini, saya juga menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu jemputan yang hadir. Sekalung

penghargaan disampaikan kepada semua yang terlibat dalam membantu menjayakan majlis ini.

"Diharapkan program sebegini dapat dianjurkan lagi pada masa yang akan datang," ujarnya sejurus merasmikan program yang dihadiri lebih 150 penduduk berbilang bangsa.

Turut hadir memeriahkan acara wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Syaiful Hisham Abd Halim serta wakil dari Balai Polis Salak Selatan. WK



PARA tetamu bergambar bersama kumpulan tarian singa.

PESAYA 14 : Kerjasama pasukan penentu kejayaan gemilang

DEEL ANJER

DEBARAN Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) Ke-14 semakin terasa. Peserta dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tidak ketinggalan mahu memberikan persembahan terbaik sekali gus mengharumkan nama syarikat.

Salah seorang peserta, **Muhammad Izzat Amir Mohd Rahimi** berkata dia dan seluruh kikitangan YWP sudah bersedia dengan latihan yang dijadualkan sejak akhir tahun lalu.

"Kami sepakat untuk memberikan sepenuh komitmen mengikuti jadual latihan yang telah disediakan. Untuk saat akhir ini apa yang paling penting adalah kerjasama pasukan," ujarnya yang mengambil bahagian dalam acara futsal, bola tampar dan badminton.

Tambahnya lagi, dari sisi lain,

setiap peserta perlu lihat kelebihan atau manfaat sukan tersebut dalam skop yang lebih luas.

"Selain untuk kesihatan, ia sebenarnya menguji sejauh mana kita mempunyai semangat bekerjasama. Apa-apa pun soal kemenangan itu nombor dua, siapa tak nak menangkan? Kalau menang ia adalah bonus," ujarnya.

Katanya lagi, kata-kata perang sang yang diberikan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun cukup memberikan semangat buatnya dan rakan-rakan.

"Pada PESAYA 2019 di Kedah, YWP berada di tempat ketujuh. Jadi tahun ini, beliau berharap YWP mendapat kedudukan yang lebih baik. *Insya-Allah*," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan lain, dia yang juga merangkap Eksekutif Kawalan Audit YWP berharap peminjam perumahan di bawah



MUHAMMAD Izzat (kanan) menerima peralatan sukan daripada Zaizalnizam pada Majlis Penyerahan Jersi Kontingen YWP.

Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang mempunyai masalah pembiayaan untuk datang berbincang.

"Saya tahu ramai yang sedang dalam kesusahan memandang-

kan ekonomi yang tidak menentu. Jika ada masalah jangan lari atau terus mendiamkan diri kerana kami ada cara untuk membantu," ujarnya yang berjanji memberikan penyelesaian terbaik. WK

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok, yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

Rodakota

10-16 FEBRUARI 2023. Bil 201

Wilayah Ku

PERBADANAN Putrajaya (PPj) terus komited dalam menjadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi dan pelancongan setanding bandar raya terkenal di dunia seperti Melbourne, Korea dan Amsterdam.

Salah satu lokasi yang bakal menjadi tumpuan pengunjung adalah Pusat Rekreasi Air Putrajaya atau lebih dikenali sebagai Lake Recreation Centre (LRC).

Menariknya, ia kini diberi nafas baharu di bawah pihak pengurusan Glamping@Wetland Putrajaya bermula 28 Januari 2023 dengan pelbagai penambahbaikan.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



LRC Putrajaya bakal pusat rekreasi air bertaraf dunia





FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
SABRINA SABRE

DARI MUKA 9

PUSAT Rekreasi Air Putrajaya atau lebih dikenali sebagai Lake Recreation Center (LRC) kini berwajah baharu dengan pelbagai penambahbaikan yang dilakukan. Malah lokasi yang dibuka semula baru-baru ini dijangka mendapat sambutan menggalakkan sekali gus membantu menjana ekonomi Putrajaya.

Terletak di Presint 13, Putrajaya, LRC merupakan salah satu tarikan terbaru pelancongan dan pusat aktiviti rekreasi yang dikelilingi alam semula jadi selain menawarkan pelbagai aktiviti menarik buat para pengunjung.

Menurut Pengurus Besar LRC Putrajaya, **Azpul Rizal Mohd Arif**, Pusat Rekreasi Air yang mempunyai keluasan kira-kira 25 hektar itu menawarkan pelbagai keseronokan dan aktiviti rekreasi baik di dalam air maupun di darat untuk semua peringkat umur.

"Antara aktiviti menarik yang boleh dijalankan adalah bersantai

bersama keluarga dengan memancing, berbasikal, berkayak, *paddle boat*, *team building*, *ATV Fun Ride* dan *ATV Adventure* dengan tawaran harga yang berpatutan mengikut hari dan tempoh masa diberikan.

"Harga pakej *unlimited entry* selama satu hari yang ditawarkan bermula daripada RM50 untuk individu dan RM150 untuk mereka yang membawa keluarga (dua dewasa, dua kanak-kanak). Buat mereka yang ingin melakukan aktiviti *wet and dry* pula akan dikenakan caj sebanyak RM140 bagi individu manakala RM280 untuk famili," ujarnya ketika ditemui *Wilayahku*.

Lebih menarik, Azpul Rizal berkata LRC merupakan satu-satunya kawasan di Putrajaya yang dibenarkan untuk memancing dengan konsep *catch and release* iaitu tangkap dan lepas yang perlu diperlakukan oleh pemancing di LRC.

"Kebiasaannya setelah ikan berjaya dinaikkan, ukuran atau berat ikan akan diambil terlebih dahulu sebelum mengambil gambar kenangan dan dilepaskan kembali ikan tersebut ke

Lubuk kaki pancing di Putrajaya



AZPUL RIZAL

habitat asalnya," ujarnya antara spesies ikan yang menggunakan konsep tangkap dan lepas di LRC adalah kelah, tengas, belida putih, tenggalan, jelawat, krai, temoleh, ketutu dan bujuk.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang mengelilingi Taman Wetland dengan menaiki *ATV* yang memakan masa selama setengah jam untuk aktiviti *ATV Fun Ride* manakala *ATV Adventure* adalah selama satu jam bagi setiap pusingan.

"Kami juga menawarkan aktiviti berbasikal buat para pengunjung. Uniknya di sini, kami menawarkan 30 unit basikal berbeza dengan tayar besar untuk individu dan juga famili dengan harga bermula serendah RM10. Sesiapa yang berminat untuk naik beca pun kita ada sediakan," ujarnya LRC ditutup setiap hari Isnin atas arahan pihak PPj untuk kerja-kerja penyelenggaraan seperti membaiki bot dan segala peralatan.

Dalam pada itu, Azpul Rizal memaklumkan setiap pengunjung yang datang perlu mengisi borang, setelah itu mereka akan dibawa untuk sesi

taklimat keselamatan serta peraturan ketika melakukan aktiviti air.

"Setelah penat mengeluarkan peluh dengan melakukan pelbagai aktiviti, anda boleh melepaskan lelah dengan berehat di kafe berdekatan. Minum sambil ditemani dengan angin yang bertiup adalah salah satu aktiviti yang menenangkan untuk pengunjung," ujarnya.

VENUE SUKAN AIR POPULAR

LRC merupakan kawasan strategik yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan kepada pengunjung kerana ia menawarkan pelbagai kemudahan asas yang diperlukan pengunjung antaranya adalah surau, kafe, parkir kereta, tandas awam, tempat rehat dan lain-lain.

"Dengan adanya pelbagai fasiliti dan aktiviti di LRC, ia dapat menarik lebih ramai pengunjung datang ke Putrajaya untuk melakukan pelbagai aktiviti riadah santai serta rekreasi secara individu atau bersama keluarga dan rakan-rakan," ujarnya yang berharap usaha ini dapat menyokong ke arah pemantapan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan serta bandar rekreasi.

Dalam pada itu, perancangan di masa hadapan, Azpul Rizal memberitahu pihaknya berhasrat untuk mengadakan kelas kayak, aktiviti *wet and dry team bulding* di kawasan lapang selain pantai buatan dengan menggunakan konsep seperti Tasik Dayang Bunting.

"Pihak kami juga ingin menjadikan LRC sebagai *venue* utama pelbagai jenis sukan air popular selain mempunyai kemudahan bertaraf antarabangsa, kualiti air di tasik yang mencapai kelas 2B diiktiraf oleh Piawaian Interim Kualiti Air Kebangsaan (INWQS).

"Bukan itu sahaja, LRC diharap menjadi tumpuan belia dalam negara malah peserta sukan air dari luar negara untuk menjalani sesi latihan. Para belia boleh mengadakan aktiviti seperti sukan polo air, kayak, jet ski, kanu dan banyak lagi pada masa akan datang, *insya-Allah*," ujarnya.

Buat mereka yang berminat dengan aktiviti rekreasi air, anda boleh datang secara *walk in* pada setiap hari Selasa hingga Ahad bermula pukul 8 pagi hingga 7 malam. Untuk pertanyaan lanjut, orang ramai boleh hubungi di talian **013-262 8857** atau layari laman web <https://www.lakerecreationcenter.com>.





AZPUL Rizal memberi taklimat ringkas kepada pengunjung mengenai cara pemakaian jaket keselamatan dan tatacara menggunakan peralatan ketika melakukan aktiviti.

Terokai pengalaman menarik bersama tersayang



DIANA AMIR

BAGAIKAN syurga hijau yang diwarnai flora dan fauna selain tasik yang indah menjadikan Lake Recreation Center (LRC) antara kawasan pilihan dan kegemaran warga Putrajaya melakukan aktiviti air.

Diberi kesempatan menjelajah kaki ke lokasi tersebut baru-baru ini, tim Wilayahku teruja untuk meneroka pelbagai aktiviti menarik yang terdapat di lokasi yang berfungsi sebagai takungan sekunder serta sebahagian daripada sistem tebatan banjir di Putrajaya.

Melangkah masuk ke pintu utama, kami disajikan dengan pemandangan tasik yang luas saujana mata

memandang. Tanpa berlengah, kami perlu mengisi borang di kaunter terlebih dahulu untuk melakukan aktiviti air. Antara aktiviti yang sempat kami cuba adalah berkayak.

Sebelum melakukan aktiviti, kami diberi taklimat ringkas sekitar 10 hingga 15 minit mengenai cara pemakaian jaket keselamatan selain tatacara menggunakan alatan sebelum mulakan sebarang aktiviti.

Bagi mereka yang baru pertama kali ingin mencuba sukan ini, jangan risau kerana kru-kru di sana akan memberi tunjuk ajar serta memantau keadaan sepanjang aktiviti berjalan selain pasukan keselamatan juga turut bersedia sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Kebiasaannya pengunjung akan melakukan aktiviti selama 30 minit hingga satu jam dan boleh mengelilingi lima pulau kecil yang terdapat di tasik

buatan manusia itu namun mereka tidak dibenarkan untuk turun atau memancing di kawasan tersebut.

Selain aktiviti air, LRC turut menawarkan aktiviti di darat seperti berbasikal dan menunggang ATV di mana pengunjung boleh mengelilingi Taman Wetland selama 30 minit dan bagi kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun pula, turut disediakan trampolin.

Beberapa penambahbaikan juga akan dilakukan untuk fasa kedua dalam masa terdekat antaranya tapak perkhemahan, tempat barbeku, gazebo serta pantai buatan bagi menarik lebih ramai pengunjung.

Jadi tunggu apa lagi, para pelancong terutama warga Putrajaya serta sekitarnya jangan lupa untuk mengunjungi LRC setiap hujung minggu bersama rakan-rakan atau keluarga tersayang. **W.K**



PRESIDEN Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud turut meluangkan masa meninjau pengoperasian semula LRC pada Sabtu lalu. Foto: Faris Azmi (Perbadanan Putrajaya)



The City Boys benam Perak FC, rampas takhta PMWP



SYUQQREE MOHD DAIN

BERSEMPENA dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2023, Kuala Lumpur (KL) City FC telah menganjurkan edisi ketiga Piala Menteri Wilayah Persekutuan (PMWP) 2023 pada 4 Februari lalu di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras.

PMWP merupakan acara persahabatan

pra musim berprofil tinggi KL City FC dan telah dipertandingkan buat pertama kali pada tahun 2021 di mana KL City muncul selaku juara sulung dengan menewaskan Selangor FC, namun ia bertukar tangan kepada Negeri Sembilan FC pada edisi 2022.

The City Boys berjaya merampas kembali takhta PMWP edisi tahun ini selepas menundukkan Perak FC 3-0, sekali gus membawa pulang piala tersebut ke ibu negara. Kejayaan tersebut menyaksikan KL

City merangkul gelaran kedua PMWP dan kemenangan pertama bagi perlawanan pra musim mereka.

Perlawanan kali ini turut disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh; isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Samad. WK





Senarai penerima DKBPWP 2023



SERI MAHKOTA WILAYAH (S.M.W.)

- 1 YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu
- 2 YBhg. Datuk Seri Sollehudin Alyubi bin Zakaria
- 3 YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak
- 4 YBhg. Datuk Seri Ahmad Fadil bin Shamsuddin
- 5 YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Seri Muhamad Norazlan bin Aris
- 6 YBhg. Datuk Seri Dr. Eng Wei Chun
- 7 YBhg. Datuk Seri Lawrence Yeo Chua Poh



PANGLIMA MAHKOTA WILAYAH (P.M.W.)

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1 YBhg. Datuk Toisin Gantor 2 YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad 3 YBhg. Komisioner Polis Datuk Azmi bin Abu Kassim 4 YBhg. Datuk Azman bin Adam 5 YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Zulkifli 6 YBhg. Datuk Md.Shah bin Mahmood 7 YBhg. Datuk Ravindran a/l Kurusamy 8 YBhg. Datuk Sr Mohd.Salem bin Kailany | <ol style="list-style-type: none"> 9 YBhg. Datuk Chong Ton Nen @ Peter Chong 10 YBhg. Datuk Tan Tang Peng 11 YBhg. Datuk Gan Kah Siong 12 YBhg. Datuk Lim Teong Kim 13 YBhg. Datuk Shalin binti Zulkifli 14 YBhg. Datuk Mohd Syarul Azman Mahen bin Abdullah 15 YBhg. Datuk Arivalagan a/l Ponniyah |
|---|--|



JOHAN MAHKOTA WILAYAH (J.M.W.)

- | | |
|--|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1 Encik Chua Choon Hwa 2 Encik Mohd Serjana bin Ibrahim 3 YBrs. Mejari Jeneral Masro bin Kaliwon TUDM 4 YBrs. DCP Azari bin Abd Rahman 5 Tuan Haji Nasri bin Ahmad 6 Encik Izamael Zamzuri bin Ismail 7 SAC Willey Anak Richard 8 SAC Thaipul Bahri bin Mokhtar | <ol style="list-style-type: none"> 9 Encik Abdul Halim bin Mat Daud 10 Encik Zulkifli bin Hashim 11 YBrs. Dr. Zalini binti Yunus 12 YBhg. Datin Dr. Syahira binti Hamidon 13 Puan Devi a/p K Saravana Muthu 14 Puan Suhaila binti Eleas 15 Puan Afrita Ariany binti Nasril 16 Encik Mohamad Yasin bin Jamaludin |
|--|---|

KESATRIA MAHKOTA WILAYAH (K.M.W.)

- 1 Kolonel Zainudin bin Bahari
- 2 Encik Mohd Syahrizal Syah bin Zakaria
- 3 Encik Ahmad Fuad bin Mustaffa
- 4 Encik Muhammad Rushdi bin Ramli
- 5 ACP Zakaria bin Abd Rahman
- 6 ACP Choong Kok See
- 7 ACP Pat Kam Seng
- 8 Encik Mohd Fadzil bin Md Amin
- 9 Encik Faizal bin Mahmod
- 10 Encik Helmi bin Bali
- 11 Mejar (K) Aminuddin bin Ab Rahman
- 12 Puan Nor Azlina binti Mohd Saad
- 13 Puan Noriza binti Othman
- 14 YBrs. TPr Wang Tze Wee
- 15 Puan Nor Haslinda Hanim binti Khalil
- 16 Puan Rozita binti Ridzuan
- 17 Puan Syalinda binti Abu Hasan Al Shaari
- 18 Puan Chan Phooi Lai
- 19 Encik Abd Aziz bin Hamzah



AHLI MAHKOTA WILAYAH (A.M.W.)

- 1 Encik Uyop bin Mohd Amin
- 2 YBrs. Ir. Ts. Zul Amri bin Abu Bakar
- 3 Encik Noorhakimin bin Brahim
- 4 Encik Mohd Firdaus bin Karos
- 5 Encik Muhammad Iqbal bin Zahanuddin
- 6 Encik Mohd Asri bin Muhamad Amin
- 7 Encik Sulaiman bin Ramli
- 8 Puan Usha a/p Thamotharan
- 9 Puan Maisarah binti Mat Isa
- 10 ASP Asriah binti Zakaria
- 11 Puan Rohazita binti Mohamad Yusof
- 12 Puan Siti Roshidah binti Abd Wahab
- 13 Puan Marlina binti Mahat
- 14 Puan Roziah binti Sarkom @ Hj Othman
- 15 Puan Zuridah binti Zainal Abidin



PINGAT PANGKUAN MAHKOTA WILAYAH (P.P.W.)

- 1 Encik Shaharudin bin Dahalan
- 2 YM Engku Mohd Nazri bin Engku Mansor
- 3 Encik Md Nasir bin Ngah
- 4 Encik Norazman bin Mahpar
- 5 Encik Mohd Nazri bin Zainudin
- 6 Encik Zaini bin Edris
- 7 Encik Aminuddin bin Osman
- 8 Encik Mohamad Faizal bin Mohamad Yusuf
- 9 Encik Wan Mohd Ashadi bin Wan Mohd Zain
- 10 Encik Kamal Bakri bin Abd Latef
- 11 Encik Mohammad Najib bin Jamaludin
- 12 Encik Muhammad Firdaus bin Mohamad Yassim
- 13 Encik Mohd Hasnorhafendy bin Hasim
- 14 Encik Hassan Azhari bin Abu Bakar
- 15 Encik Saring bin Berau
- 16 Flait Sarjan Rushdan Hanafey bin Login
- 17 Sarjan Abd Ghani bin Hassan
- 18 Sarjan Azhar bin Baharom
- 19 Koperal Zainuddin bin Buyong
- 20 Koperal Mohd Sah bin Harapan
- 21 Koperal Mohd Norzie bin Hj Ibrahim
- 22 Encik Md Thani bin Khamis
- 23 Encik Puvaneswaran a/l M Suppiah
- 24 Encik Noraidi bin Ismail
- 25 Encik Mohd Khairul bin Abdul Ghani
- 26 Encik Saiful Fahmi bin Hashim
- 27 Encik Mohamad Sauki bin Ahmad
- 28 Encik Mohd Mahathir bin Miswan
- 29 Encik Jamaluddin bin Hashim
- 30 Encik Mohd Sazmi bin Mohd Sharip
- 31 Encik Ahmad Hakhimi bin Ahmad Shukri
- 32 Encik Abu Kassim bin Aied
- 33 Encik Norlizat bin Ahmad
- 34 Encik Anuar bin Dahlam
- 35 Encik Abd Razak bin Slamat
- 36 Encik Makhtar bin Yusof
- 37 Encik Abd Ghani bin Jaffar
- 38 Encik Mohd Sukery bin Mat Jusoh
- 39 Encik Ahmad Tarpucci bin Isa
- 40 Encik Sulaiman bin Idris
- 41 Encik Ahmad Kamil bin Sindin
- 42 Encik Abdul Razak bin Abdul Manap
- 43 Encik Mohd Azri bin Abdullah
- 44 Encik Razali bin Jamaluddin
- 45 Encik Aziz Fadzilah bin Mohamad
- 46 Tuan Haji Hisham bin Talip
- 47 Encik Umar Bakri bin Ngadimin
- 48 Encik Manan bin Yasir
- 49 Encik Shahril bin Mohd
- 50 Encik Sabidi bin Sadohan
- 51 Encik Fathir Shah bin Kamaron
- 52 Encik Ahmad Nazarul Sukry bin Kamaruddin
- 53 Encik Mohd Adnan bin Mohammed
- 54 Encik Mat Noh bin Md Yunus
- 55 Encik Azmi bin Ali
- 56 Encik Ahmad Shah bin Mohd Idrus
- 57 Encik Mohd Azmir bin Sarid @ Mohd Sharif
- 58 Puan Mariana binti Abd Ghani
- 59 Puan Nora binti Mohd
- 60 Puan Norazian binti Muslim
- 61 Puan Mellessa Adriane binti Mustafa
- 62 Puan Zuraida binti Othman
- 63 Puan Shamshida binti Sahedan
- 64 Puan Noor Iszati binti Ismail
- 65 Puan Yusnitah binti Yusop
- 66 Puan Noore Mahyudin binti Salam
- 67 Puan Siti Norhazarina binti Ali
- 68 Puan Rosmiza binti Yaakob
- 69 Puan Siti Zawiyah binti Abdul Aziz
- 70 Puan Siti Nor Qariualinisyak binti Abu Bakar
- 71 Puan Narimah binti Ariffin
- 72 Puan Sabariah binti Mahat
- 73 Puan Noriah binti Othman
- 74 Puan Salmah binti Abdul Kadir
- 75 Puan Nazlan @ Norizan binti Harun
- 76 Puan Sharidah binti Harun
- 77 Puan Norizah binti Awang Kechik
- 78 Puan Shariza binti Mohd Arif
- 79 Puan Rumiza binti Samhudi
- 80 Puan Yuslinda binti Mohamed Yusof
- 81 Puan Limah binti Mamat
- 82 Encik Rahimi bin Maruf
- 83 Puan Norisah binti Bahrom
- 84 Puan Zainon Nisah binti Sani
- 85 Sarjan Mejar Sabri bin Mat Din
- 86 Sarjan Abd Rahim bin Maharam
- 87 Sarjan C. Mohd Akhairulazhar bin Che Anuar
- 88 Koperal Mohd Nasri bin Abdul Halim
- 89 Encik Rosman bin Mansor
- 90 Encik Suhaime bin Yunus
- 91 Encik Bryan Leong Xin Ren
- 92 Puan Ramlah binti Haji Ayub



Artis suka tengking emak ayah, mintak duit



DEEL ANJER

SEDANG enak *Wilayahku* makan specil lele, rasa nak terkeluar balik apabila dengar seorang teman ni bercerita. Terkejut tau!

Alkisahnya, ada seorang selebriti lelaki boleh menyanyi, berlakon dan mengacara, luar bukan main lagi lemah lembut, senyuman manis bak gula tapi sungguh biadap dengan orang tua mereka.

Boleh pula dia minta duit daripada mak ayah. Kalau minta baik-baik tak

apalah, fahamlah kan hidup tidak selalu indah. Kadang-kadang ada waktu susahnya.

Apa yang *Wilayahku* geram, pasangan suami isteri ini boleh maki orang tua mereka bila tak bagi duit. Hellooooo... Sepatutnya anaklah beri orang tua duit. Kalau iya pun, beradalah sikit.

Sudahlah orang tua mereka tak berapa nak sihat, tak berapa nak kuat, dia boleh pula tengking! Jangan sampai *Wilayahku* jadi hantu pergi cekik, baru tahu!

Bukan apa, bila bab biadap



dengan mak ayah ni, teremosi sikit.

Nasihat *Wilayahku*, insaflah sebelum menyesal. Jangan sampai mak ayah dan tak ada, menangis air mata darah sekalipun dah tak guna.

Ingatlah, tak berkat hidup derhaka kepada mak ayah. Hidup takkan ke mana pun.

Contohhlah penyanyi nomor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, sentiasa berbakti kepada orang tua dan keluarga, sebab itulah rezekinya melimpah ruah.

Keluarga restu hubungan Shila Amzah, Ubai

SELEBRITI media sosial, **Ubai** atau nama sebenarnya Muhammad Ubaidillah Mohd Zulkefli, 25, mengakui sedang menjalinkan hubungan istimewa dengan penyanyi **Shila Amzah**.

"Saya sudah mengenali Shila sejak tahun 2011, tapi hubungan kami bertambah akrab sekitar 2014.

"Namun sejak tahun lepas hubungan kami menjadi semakin rapat selepas dia mengalami fasa sukar dalam hidupnya (bercerai).

"Sebagai kawan saya sentiasa mahu yang terbaik untuk Shila. Tak sangka hubungan itu lama-kelamaan menjadi semakin serius dan baru-baru ini dia berkongsi mengenai hubungan kami ketika siaran langsung di *TikTok*," katanya yang selesa dan serasi bersama Shila.

Ubai juga memberitahu keluarganya menerima baik hubungan mereka.

"Buat masa ini, saya belum membawa Shila bertemu ahli keluarga lagi, tapi *alhamdulillah* famili saya okey dengan perhubungan ini," tambahnya.

Baru-baru ini, Shila dan Ubai mendedahkan mengenai status hubungan setelah ramai yang

dapat menghidu hubungan istimewa mereka.

Malah menerusi siaran langsung itu (*TikTok*), Shila beberapa kali dilihat memanggil Ubai dengan panggilan sayang.

Untuk rekod, Shila bercerai talak satu dengan Haris Idraki pada 8 Februari 2022 selepas empat tahun berkahwin.

Hasil perkahwinan itu, mereka dikurniakan seorang cahaya mata lelaki, Seth Uwais.



SHILA AMZAH & UBAI



Aweera, Mojo bersatu semula

SATU fenomena baharu kepada industri muzik tempatan apabila penyanyi rock **Aweera** menyertai kumpulan Mojo pada tahun 2012.

Lagu mereka *Andai Ku Bercinta Lagi* dan *Romancinta* menjadi siulan ramai terutamanya anak-anak muda. Namun, akibat salah saham Mojo berpecah beberapa tahun selepas itu.

Kini, Aweera dan Mojo kembali bersatu setelah lapan tahun 'berpisah'. Malah Aweera sendiri akui namanya semakin popular setelah menyertai Mojo.

"Sebenarnya, saya dan Edry KRU (Pengasas Mojo) sudah berbincang sejak tahun lalu lagi. Seperti yang dia beritahu, saya pernah menghubunginya menerusi DM (*Direct Message*).

"Saya juga ada memuat naik berapa hantaran berupa gambar lama bersama Mojo. Maklum balas daripada penyokong dan peminat juga memberangsangkan.

"Kebanyakan mereka mahukan barisan anggota asal terus maju. Jadi,

Edry berkata sekiranya Denny dan Johar bersetuju, apa salahnya jika kami bersatu semula," katanya.

Sementara itu, kontroversi yang membabitkan dia bersama Mojo dulu adalah proses pembelajaran buatnya.

"Apa yang berlaku sebelum itu adalah masa lalu dan saya anggap itu sebagai proses pembelajaran ketika usia saya masih lagi dalam lingkungan 20-an.

"Apabila kami kembali bersatu, *alhamdulillah* kemantangan itu terpahat dalam diri saya. *Insya-Allah* pada masa akan datang, saya akan lebih fokus dan matang," katanya.

Pada 2015, muncul kontroversi apabila Mojo dikatakan goyah, sekali gus tempat Aweera sebagai penyanyi digantikan Azmi Caliph Buskers ketika menyampaikan lagu *Romancinta* di pentas Anugerah Juara Lagu 29 (AJL29).

Terbaru, Mojo muncul dengan single berjudul *Superstar* dan bakal mengadakan konsert sulung mereka pada penghujung tahun ini.

"Ilmu taranum dan Al-Quran bekalan sampai mati" - Tilmizah Syahirah

QARIAH atau Tilmizah Nur Ain Syahirah Shafullah, 21, menjadi peserta pertama yang tersingkir pada minggu kedua program Akademi Qurra' yang ditayangkan di TV

AlHijrah, baru-baru ini.

Walaupun tidak dapat bertahan lama dalam program itu, Syahirah yang berada di bawah bimbingan Mudarrisah, Ustazah Farhatul Fairuzah

bersyukur dipilih menjadi peserta program itu.

Bagi Syahirah, Program Akademi Qurra' ini banyak membantu dirinya memperbaiki kelemahan dalam mendalami Al-Quran.

"Untuk taranum ini saya nak cari lagi guru-guru yang hebat dan banyak ilmu. Saya tak akan berhenti sampai sini dan akan datang lagi.

"Saya akan terus rujuk guru-guru yang ada dan akan teruskan sampai bila-bila,

insya-Allah. Sebab ilmu taranum dan Al-Quran ini sampai mati," katanya.

Pada minggu kedua yang bertemakan Inspirasi – OKU Penglihatan, Tilmiz Akasyah berada di kedudukan teratas, diikuti oleh Tilmiz Zuhdi dan Tilmiz Saifullah.

Sementara itu, Penerbit Eksekutif Akademi Qurra', Saifulizzam Mohd Lizah berkata penyingkiran perlu dibuat selepas kesemua peserta diberi peluang pada episod pengenalan minggu lalu.

"Kalau diikutkan saya memang mahu simpan mereka semua dan agak susah untuk buat keputusan penyingkiran ini sebab semua peserta sangat komited.

"Bila saya ambil laporan daripada mentor, peserta ini sangat bersungguh-sungguh. Mungkin sebab sudah lama tidak ada program seperti ini, jadi mereka punya semangat sangat hebat.

"Bagaimanapun, penyingkiran

tetap harus dibuat sebab akhirnya nanti pada minggu kelapan, mungkin ada lima sahaja peserta ke peringkat akhir dan itu adalah perancangan awalnya.

"Jadi, untuk peserta yang tersingkir, saya tetap benarkan untuk terus berada dalam kelas sama ada secara dalam talian atau fizikal. Sekurang-kurangnya mereka terus dapat ilmu itu," katanya.

Program Akademi Qurra' dihoskan oleh Fakhruh UNIC, disiarkan setiap Sabtu, pukul 9 malam dan diadili sepenuhnya oleh juri tetap iaitu Ustaz Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Qari Muhammad Qayyim Nizar dan juri jemputan berbeza pada setiap minggu.

Manakala Mudarris dan Mudarrisah yang menjadi tulang belakang membimbing semua peserta pula ialah Ustaz Ammar Mukhlis, Ustazah Farhatul Fairuzah dan Ustazah Sofizah Mousin. **W.K**



NURAIN SYAHIIRAH (tengah) menjadi peserta pertama yang tersingkir dalam Program Akademi Qurra'.

DR MADIHA
BAHARUDDIN

A DALAH menjadi suatu kebiasaan atau lumrah apabila seorang manusia itu cenderung untuk bertindak mengikut naluri atau perasaan masing-masing terhadap sesuatu peristiwa yang telah terjadi. Begitu juga dalam keadaan berhadapan dengan sesuatu situasi, atau keperluan untuk menangani sebarang persoalan yang timbul hasil dari situasi tersebut. Namun, naluri dan perasaan yang disertai dengan hemat fikiran yang bijaksana, lazimnya akan membawa hasil yang bagus dari sudut perbuatan atau tindakan selanjutnya oleh seseorang.

Sebagai manusia, perasaan 'kecewa' adalah suatu tindak balas yang normal apabila menerima

Rukun Negara pengubat kecewa

sesuatu berita yang tidak mengikut keinginannya atau mendapat sesuatu yang tidak mengikut kehendaknya. Mengambil iktibar dari keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) baru-baru ini, bukanlah suatu jenaka jika ada yang berasa kecewa dengan keputusannya, walhal situasi itu harus dihormati bagi mereka yang disinggung dengan perasaan kecewa tersebut.

Namun begitu, berapa lama harus dilayani perasaan kecewa tersebut? Ini kerana, hasil dari kekecewaan tersebut akan timbulnya kecenderungan untuk berasa 'keliru' terhadap natijah yang berlaku. Oleh itu, persoalannya adalah bagaimana untuk mengatasi situasi tersebut agar diri seseorang tidak terus hanyut dibuai dengan

perasaan kecewa dan keliru itu, dengan harapan perasaan-perasaan tersebut akan beransur hilang buat selama-lamanya.

Tidak salah untuk meletakkan takdir suratan llahi itu sendiri sebagai paksi kekuatan diri, namun perlu ditangani dengan akal yang bijaksana, sama ada sebagai rakyat atau pengundi biasa atau sebagai ahli-ahli dan para pemimpin parti-parti politik. Ini kerana hambatan perasaan kecewa dan keliru itu harus ditangani kerana kita perlu melangkah ke hadapan, dan cuba untuk melihat apa yang telah terjadi dalam konteks yang lebih besar dan masa hadapan yang lebih cerah.

Oleh itu, di sinilah terletaknya kebijaksanaan kita untuk tahu di mana hendak dikalihkan

perasaan ketidakpuasan hati yang menghimpit seseorang hasil daripada keputusan PRU15 tersebut. Tindakan 'kalih' yang perlu dilakukan oleh seseorang yang masih kecewa itu tidak terhenti setakat keputusan PRU15 sahaja, tetapi merangkumi kepada pelantikan Perdana Menteri, Timbalan Menteri dan Menteri atau Kerajaan Perpaduan yang telah tertubuh berikutan keputusan muktamad tiada parti yang mendapat majoriti serta apa jua kesinambungannya selepas itu.

Sebagai suatu bentuk muhasabah diri terhadap apa yang telah berlaku, mungkin dapat ditanamkan semula dalam fikiran kita Rukun Negara yang kita pegang selama ini sebagai suatu bentuk kalihan yang mudah

tetapi padat yang boleh memujuk dan memupuk diri untuk terus melangkah ke hadapan dengan lebih maju.

Bait-bait keramat yang dihafal oleh setiap daripada kita: "Kepercayaan Kepada Tuhan; Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-Undang; Kesopanan dan Kesusaian" pastinya mampu memandu kita ke arah haluan yang diredhai.

Mudah-mudahan pandang ke hadapan mengiringi pemikiran kita selaku apa jua peranan kita dalam negara yang tercinta ini.

PENULIS merupakan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan boleh dihubungi di madiha@um.edu.my.

ChatGPT: Kecerdasan buatan yang menjana respons pintar semakin popular

AZIZI AHMAD

CHATGPT ialah model pemprosesan bahasa semula jadi (*Natural Language Processing*, NLP) terkini yang dibangunkan oleh OpenAI. Ia adalah varian model GPT-3 (Generative Pertained Transformer 3) yang popular, dan telah dijalankan ke atas sejumlah besar data teks untuk menjana respons seperti manusia kepada input yang diberikan.

BAGAIMANAKAH IA BERFUNGSI?

TIDAK seperti model NLP tradisional yang bergantung pada peraturan buatan tangan dan data berlabel manual, ChatGPT menggunakan seni bina rangkaian saraf dan pembelajaran tanpa pengawasan untuk

menjana respons. Ini bermakna ia boleh belajar untuk menjana respons tanpa perlu diberitahu secara jelas tentang tindak balas yang betul, yang menjadikannya alat yang berkuasa untuk mengendalikan pelbagai tugas perbuahan.

Salah satu ciri utama ChatGPT ialah keupayaannya untuk menjana respons yang konsisten dengan konteks perbuahan. Ini bermakna model tersebut dapat memahami aliran perbuahan dan menghasilkan respons yang sesuai secara semula jadi dengan apa yang telah diperkatakan sebelum ini. Ini menjadikannya berguna untuk tugas seperti perkhidmatan pelanggan, di mana model perbuahan perlu dapat mengendalikan pelbagai soalan dan soalan susulan tanpa kehilangan jejak konteks.

Selain menjana respons, ChatGPT juga mampu melaksanakan pelbagai tugas NLP lain, seperti terjemahan bahasa, ringkasan teks dan analisis sentimen. Ini menjadikannya alat serba boleh yang boleh digunakan dalam pelbagai aplikasi.

HAD BATASAN

SALAH satu batasan ChatGPT ialah ia adalah model yang besar dan kompleks, yang menjadikannya intensif sumber untuk dijalankan. Ini boleh menjadikannya mencabar untuk digunakan dalam aplikasi masa nyata, seperti chatbots yang mungkin memerlukan respons pantas.

Satu lagi batasan ChatGPT ialah ia adalah model generatif,

yang bermaksud bahawa ia tidak selalu dapat memberikan jawapan yang tepat kepada soalan tertentu. Dalam sesetengah kes, respons yang dijanma mungkin tidak relevan atau mengarut, yang boleh menyukarkan penggunaan dalam aplikasi tertentu.

Selain itu, ChatGPT, seperti semua model NLP, dihadkan oleh kualiti dan kuantiti data yang telah dilatih. Jika model tidak dilatih pada set data yang pelbagai dan mewakili, model itu mungkin tidak dapat menjana respons yang tepat kepada input yang berada di luar data latihannya.

Secara keseluruhannya, walaupun ChatGPT ialah model NLP yang berkuasa dan serba boleh, ia bukan tanpa batasannya. Sifat intensif sumbernya dan potensi untuk tindak balas yang

tidak relevan atau tidak masuk akal menjadikannya kurang sesuai untuk aplikasi tertentu.

KESIMPULAN

CHATGPT ialah model pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) terkini yang dibangunkan oleh OpenAI. Ia menggunakan seni bina rangkaian saraf dan pembelajaran tanpa pengawasan untuk menjana respons seperti manusia kepada input yang diberikan. ChatGPT mampu memahami konteks perbuahan dan menjana respons yang sesuai secara semula jadi dengan apa yang telah diperkatakan sebelum ini. Ini menjadikannya alat yang berharga untuk pelbagai tugas perbuahan, seperti perkhidmatan pelanggan, terjemahan bahasa, ringkasan teks dan sentimen.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500

QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLY HANAFI)
Operasi & Pemasaran


03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya



Inisiatif pensijilan kotej halal bantu peniaga kecil Malaysia



DR SITI AISYAH SAMUDIN
DR HANIRA HANIFI

MALAYSIA adalah negara pelopor industri halal yang mempunyai lebih 40 tahun pengalaman dalam membangunkan industri ini. Di samping itu, kelebihan 'halal' di Malaysia adalah diletakkan di bawah tanggungjawab kerajaan (*government scrutiny*) yang menjadi satu kelebihan di mata dunia, menjadikannya sebagai negara yang dirujuk di peringkat antarabangsa dalam pengendalian urusan Pensijilan halal. Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah dilantik sebagai pihak berkuasa berwibawa halal di negara ini, berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan dan Persijilan Halal, 2011). Governan halal yang jelas oleh kerajaan Malaysia seperti inilah yang membezakan Malaysia daripada negara lain dan membolehkan Malaysia menjadi pemain utama dalam industri halal global.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan ataupun syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusingan ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan di samping pemilikan kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. IKS terdiri daripada beberapa sektor utama merangkumi sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, pertanian dan perlombongan & pengkuaran.

DR HANIRA HANIFI

MEMILIKI pekerjaan stabil menjadi impian setiap graduan kerana ia mustahak bagi membantu mereka menampung dan mencapai kesejahteraan hidup untuk memiliki kemudahan perumahan, kendaraan dan khidmat kesihatan.

Namun, mutakhir ini masalah pengangguran graduan masih berlaku dan sering dikaitkan dengan pelbagai faktor termasuk pemilihan kerja dan sikap graduan, kemelesetan ekonomi serta kesan pandemik COVID-19.

Graduan seharusnya peka terhadap realiti dan kekangan yang ada dengan bersiap siaga melengkapkan diri bagi mendepani cabaran pekerjaan pada masa hadapan.

Berdasarkan kajian, graduan universiti harus melengkapkan diri dengan keperluan penting berikut, iaitu kemahiran teknologi seiring era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), kemahiran insaniah dan kemahiran keusahawanan.

Jika dilihat ketika pandemik melanda, industri masih menawarkan peluang pekerjaan adalah yang berkaitan teknologi

IKS terbahagi kepada tiga saiz utama, iaitu industri mikro, industri kecil dan juga industri bersaiz sederhana.

Walaupun Malaysia mempunyai pasaran industri halal yang luas, hanya sebilangan kecil sahaja usahawan tempatan yang memenuhi permintaan tersebut. Selain itu, penglibatan usahawan bumiputera juga didapati masih berada pada tahap agak rendah meskipun terdapat usaha-usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, agensi dan pemain-pemain industri. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), terdapat lebih 200,000 usahawan yang terlibat dalam industri berkaitan halal.

digunakan, pembungkusan produk dan lain-lain supaya mematuhi prinsip halalan toyibban.

Hal ini berikutan produk yang dihasilkan dari rumah adalah tidak layak untuk memohon pensijilan halal mengikut syarat utama bagi memohon Sijil Halal Malaysia iaitu pemohon perlu mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi ataupun agensi kerajaan lain. Selain itu, pemohon juga dikehendaki mempunyai lesen perniagaan daripada Pihak Berkua Tempatan (PBT) serta telah mempunyai kilang yang beroperasi sepenuhnya sebelum permohonan dibuat.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP akibat wabak COVID-19 yang lalu ramai pekerja terpaksa diberhentikan pekerjaan dan hilang punca pendapatan. Bagi meneruskan kelangsungan hidup, kebanyakannya usahawan menceburii bidang perniagaan berdasarkan makanan secara kecil-kecilan di rumah masing-masing. Namun, sebahagian mereka tidak dapat memasarkan produk dengan lebih jauh lagi disebabkan tidak melepas piawaiansijilan halal yang ditetapkan oleh kerajaan seperti kebersihan premis, kualiti alatan dan perkakasan yang

Penglibatan usahawan bumiputera juga didapati masih berada pada tahap agak rendah meskipun terdapat usaha-usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, agensi dan pemain-pemain industri. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), terdapat lebih 200,000 usahawan yang terlibat dalam industri berkaitan halal.

juga, antara syarat lain yang perlu diketahui adalah tempat penyediaan makanan juga harus mempunyai bangunan berasingan dengan tempat tinggal. Jika ia berada dalam bangunan yang sama, hendaklah ada pintu masuk yang berasingan ke kawasan pemprosesan.

Kotej halal merupakan satu inisiatif bagi membolehkan para peniaga makanan yang berusaha secara kecil-kecilan di rumah. Pada kebanyakan masa, kebanyakannya peniaga kecil-kecilan gagal melepas piawaiansijilan halal seperti tidak mempunyai premis perniagaan sendiri serta fasiliti yang sesuai dan lengkap. Melalui inisiatif ini, para peniaga diyakini mampu meluaskan lagi perniagaan dengan melalui peluang yang ada bagi memperoleh pensijilan halal dalam industri ini.

Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah memperkenalkan Program Halal Cottage ini bagi mewujudkan rangkaian halal yang lebih meluas di kawasan luar bandar. Lanya bertujuan membantu peniaga-peniaga kecil yang berpendapat dalam lingkungan 30,000 setahun dan tidak mempunyai premis perniagaan

(perniagaan dijalankan di kawasan rumah secara kecil-kecilan sahaja) untuk mendapatkan pensijilan halal agar dapat meluaskan lagi pasaran perniagaan dalam produk makanan dan sembelihan unggas yang berskala kecil. Bayaran pensijilan yang dikenakan bagi premis makanan hanya serendah RM100 setahun manakala bagi produk dan perkhidmatan, antara RM100 hingga RM1,000 tertakluk kepada saiz industri. Selain yuran yang rendah, JHEAINS akan turut memberikan tunjuk ajar mengenai Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 dan Manual Halal Management System (MHMS) iaitu manual berkaitan halal yang diguna pakai di seluruh Malaysia. Usahawan kecil juga diberi perkhidmatan coaching dan mentoring bagi membantu proses mendapatkan pensijilan halal.

Melalui Negeri Sembilan sebagai negeri pelopor dan contoh, amat molek sekali sekiranya negeri-negeri lain turut mengambil inisiatif yang sama dalam melaksanakan program kotej halal bagi memudahkan usahawan halal setiap negeri mengembangkan usaha niaga. Bahkan, adalah lebih menjadi satu keperluan sekiranya pihak JAKIM sendiri menjadi pusat atau pihak berautoriti dalam mentadbir dan mengeluarkan peraturan atau manual berkenaan pengurusan dan pentadbiran program kotej halal.

KEDUA-DUA penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan boleh dihubungi di sitiaisyah.samudin@um.edu.my.

Tiga kemahiran pelengkap graduan pilihan majikan

maklumat (IT), perkilangan, perbankan, perniagaan runcit dan penjagaan kesihatan.

Pada masa sama, kebanyakannya syarikat mula memberi tumpuan kepada kaedah teknologi dan pendigitalan dalam menjalankan perniagaan.

Pengetahuan dan penguasaan dalam kemahiran ini didapati sangat relevan bagi membantu graduan mendepani cabaran pekerjaan kompetitif masa depan. Graduan juga perlu cakna perkembangan kepintaran buatan (AI) dan impak kepada pekerjaan terkini.

Oleh itu, keperluan melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi dalam talian dan internet benda (IoT) menjadi amat penting dalam mendepani cabaran pekerjaan masa kini dan hadapan.

Kemahiran insaniah pula merangkumi aspek kemahiran generik. Secara umum, tidak terdapat definisi tepat bagi terma kemahiran insaniah, namun sering dikaitkan dengan penampilan

personaliti individu, berfikiran kritis, bijak berkomunikasi, pandai bergaul di tempat kerja, berdaya tahan dan berinovatif.

Kajian merekodkan terdapat ramai kalangan lepasan pengajian tinggi tidak mempunyai set kemahiran insaniah mencukupi, mengakibatkan mereka gagal memasuki sektor tenaga kerja.

Kebanyakan graduan baharu didapati mementingkan diri, tidak dapat menyesuaikan diri kerja berpasukan dan berhasrat dinaikkan pangkat ke jawatan kanan tanpa memperbaiki kualiti kepemimpinan diperlukan.

Laporan Pemantauan Keusahawanan Global 2020/2021 menunjukkan kerja keusahawanan masih menjadi pilihan walaupun dunia dilanda pandemik COVID-19.

Keusahawanan adalah kunci kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara kerana mampu merangsang pelaburan, mencipta peluang pekerjaan dan menyumbang peningkatan

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Di samping itu, keusahawanan memupuk sikap inovatif serta berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat kurang berasib baik dalam pasaran buruh.

Namun, kini cabaran terbesar dihadapi kebanyakannya kerajaan di seluruh dunia adalah proses peralihan daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi baharu yang menitikberatkan keperluan usahawan dilengkapi kemahiran teknologi serta digital.

Maka, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (PTK IPT) 2021-2025 bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan lepasan pengajian tinggi.

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 juga diperkenalkan bagi tujuan memperkuuh dan meningkatkan inisiatif serta program sedia ada untuk melonjakkan aktiviti keusahawanan di Malaysia.

Pelbagai usaha dirancang termasuk program pembangunan, pembiayaan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), latihan dan pembinaan kapasiti, infrastruktur, pemindahan teknologi, akses pasaran, usahawan sosial serta pengantarabangsaan.

Justeru, pelajar IPT perlu cakna dengan peluang ini dan pelbagai usaha lebih agresif perlu diusahakan IPT bagi meningkatkan minat serta keberkesanan bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar termasuk meningkatkan kolaborasi dengan syarikat swasta dan kerajaan.

Apa yang penting, tiga kemahiran ini dilihat sebagai persediaan sangat penting kepada graduan untuk kekal relevan dalam mendepani cabaran pekerjaan pada masa hadapan.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).

Martabatkan permainan gasing tradisi



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

MULA berkecimpung dalam dunia permainan gasing tradisional pada tahun 1985, kini Punggut Matali, 67, telah menghasilkan kira-kira ribuan biji gasing.

Pernah dinobatkan sebagai juara gasing pangkah peringkat kebangsaan pada tahun 2001 dan 2017 di Pulau Pinang menjadikan Punggut dikenali oleh masyarakat tempatan dan luar dalam selok-belok permainan dan pembuatan gasing tradisional.

Dengan gelaran juara itu turut menjadikan beliau sebagai seorang pembuat gasing profesional serta menjadi satu-satunya pembuatan gasing yang masih aktif di pulau itu.

Beliau yang merupakan anak jati Labuan yang menetap di Kampung Tanjung Aru mula mempelajari ilmu pembuatan gasing itu daripada saudaranya yang juga merupakan seorang tukang pembuat gasing tradisional pada waktu ketika dahulu.

"Saya mula bermain gasing ini sejak kecil lagi dan ia amat dekat dengan jiwa saya. Sejak kecil saya sudah terdedah dengan permainan gasing tradisi sehingga timbul minat yang menebal dalam permainan ini.

"Sejak tahun 1985, saya telah menghasilkan beribu biji gasing sehingga kini. Selain menghasilkan gasing tradisi saya juga menghasilkan pelbagai jenis gasing iaitu Gasing Pangkah dan Gasing Borneo," katanya ketika ditemui Wilayahku di kediamannya baru-

baru ini.

Bercerita lanjut mengenai proses pembuatan gasing tradisi itu, Punggut berkata dalam pembuatan sebiji gasing memakan masa satu hingga ke dua hari mengikut jenis gasing dengan bantuan mesin.

"Kebanyakan gasing yang saya telah buat adalah gasing untuk dimainkan atau digunakan dalam sebuah pertandingan gasing. Setiap tempahan gasing yang saya terima adalah mengikut permintaan pelanggan.

"Namun permintaan gasing ini adalah bermusim. Adakalanya permintaan itu tinggi dan ada masanya permintaan amat sedikit," katanya.

Ujar beliau lagi, pembuatan gasing tradisi menggunakan jenis kayu khusus iaitu kayu impas dan kayu mengaris atau tulang yang hanya terdapat di Tanah Besar Sabah.

"Jika ada permintaan gasing tradisi, ia akan mengambil masa yang lama susulan bahan kayunya agak sukar didapati di sini. Namun, jika pelanggan sendiri membawa kayu tersebut proses pembuatan gasing tradisi itu boleh disiapkan dalam tempoh sehari atau dua hari sahaja.

"Bagi gasing pangkah pula, ia boleh menggunakan jenis kayu yang berlainan dengan mengikut sukanan gasing yang diinginkan.

"Harga setiap gasing yang saya buat hanya dalam sekitar RM100 sahaja. Meskipun proses pembuatan itu memerlukan ketelitian dan kecekapan yang tinggi namun saya tidak mengenakan harga yang tinggi kepada pelanggan saya. Apa yang saya mahukan adalah mereka meneruskan minat terhadap permainan tradisi ini,"

katanya sambil menambah, beliau juga menghasilkan cenderahati berbentuk gasing.

ANAK PENERUS LEGASI PEMBUATAN GASING TRADISI

PADA zaman masa kini, kebanyakan anak muda telah melupakan permainan tradisi ini dan jika ianya berterusan permainan gasing tradisi ini bakal terpadam kepada generasi muda pada masa hadapan.

Menyedari akan perkara itu, Punggut telah memberi didikan dan pengetahuannya dalam selok-belok permainan gasing tradisi itu kepada tiga orang anaknya.

Ujarnya, selain mengajar mereka cara bermain gasing tradisi dia juga turut memberi dan berkongsi ilmu dalam pembuatan gasing kepada anak-anaknya.

"Ketika ini saya pun telah berumur dan tenaga semakin kurang. Harapan untuk mempunyai pelapis dalam permainan dan pembuatan gasing merupakan satu harapan besar saya agar gasing tradisi ini akan kekal sehingga masa hadapan.

"Alhamdullilah, sepanjang saya berkecimpung dalam dunia gasing tradisi ini sejak dahulu dapat menarik minat ketiga-tiga anak lelaki saya. Ketiga-tiga mereka menunjukkan minat yang tinggi dalam permainan gasing ini.

"Mereka kini boleh bermain gasing pelbagai jenis dengan baik dan apa yang lebih membanggakan saya dua daripada mereka berminat untuk mempelajari pembuatan gasing ini," katanya sambil menghembuskan nafas lega kegembiraan mempunyai penerus generasinya dalam pembuatan gasing tradisional.

TAWAR ILMU SECARA PERCUMA

PERKEMBANGAN teknologi yang semakin canggih dengan wujudnya gajet dalam talian tidak dinafikan sedikit sebanyak menyebabkan permainan tradisional termasuk gasing yang suatu masa dahulu dekat di hati masyarakat semakin dilupakan.

Minat terhadap gasing tradisi yang telah kian lama sebat dengan kehidupannya, Punggut berkata dia menerima dan mengalu-alukan sesiapa sahaja yang ingin menuntut ilmu pembuatan gasing tradisi itu dengannya bila-bila masa sahaja.

"Secara terbuka hati, saya mengalu-alukan kepada mereka yang mahu belajar dengan saya. Bagi saya ilmu dalam pembuatan gasing ini amat tinggi nilainya dan ia perlu diteruskan dan diperkasakan oleh generasi hadapan.

"Demi khazanah

budaya ini, saya tidak mengenakan sebarang bayaran atau yuran kepada mereka yang berminat untuk menuntut ilmu yang amat bernilai ini," katanya dengan pandangan mata yang menunjukkan pengharapan permainan tradisi itu dimartabatkan oleh golongan anak muda.

WK



PL bakal wujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, kurangkan kebergantungan bekalan luar

PERBADANAN Labuan (PL) kini sedang merangka perancangan bagi mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di pulau ini sebagai satu pusat pertanian bersepadu.



Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail** berkata bagi merealisasikan perancangan itu pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian bagi memastikan segala perancangan yang sedang dirangka dapat dilaksanakan dengan baik.

Katanya TKPM yang mempunyai keluasan 10 hektar itu diwujudkan sebagai satu langkah bagi menstabilkan dan menyediakan tanaman asas sayuran tempatan



secara berterusan di pulau itu.

"Ini adalah satu langkah bagi mengurangkan kebergantungan kita terhadap tanaman sayuran. Sebagai sedia maklum, ketika ini kita di Labuan hanya mendapatkan bekalan itu daripada negeri jiran.

"Dengan adanya program ini, warga Labuan dapat menghasilkan

tanaman sayuran ini untuk dipasarkan kepada warga di pulau ini dan ia dapat sekali gus menstabilkan harga barang mentah di pasaran tempatan," katanya pada temu bual di Bicara Eksklusif di LabuanFM, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rithuan



berkata pihaknya juga merangka perancangan bagi membuka satu Pusat Pengumpulan Produk Tempatan yang membabitkan penglibatan dalam kalangan usahawan tempatan.

"PL akan bekerjasama dengan beberapa pasar raya yang terpilih untuk mewujudkan

pusat pengumpulan produk atau pameran untuk produk-produk yang dihasilkan oleh usahawan tempatan yang mana akan menjadi tumpuan pelancong.

"Kewujudan pusat ini sekali gus dijangka mampu meningkatkan pendapatan para usahawan itu sendiri," katanya. WK

PERADUAN MEWARNA PM201



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:


Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM201".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **18 FEBRUARI 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 202.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU

TEKA SILANG KATA SK201



MELINTANG

1. Ibu negara di Timur Tengah
5. Bergerak dengan pantas
6. Anugerah Industri Muzik
8. Sebuah bandar di Terengganu
9. Ulasan buku

KE BAWAH

1. Hutan kecil
2. Hujan renai-renai
3. Meminta kepada tuhan
4. Ukuran saiz sesuatu
7. Bebas daripada kekacauan

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK201".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **18 FEBRUARI 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 202.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA WILAYAHKU



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.
E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.


KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 199

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM199:

CUT FARHAH SHAHRUNIZAM
(12 tahun)
Rawang, Selangor

AMEERUL HAZIQ ABU BAKAR
(10 tahun)
Sentul, Kuala Lumpur

NUR SYAMIRAH AYRA KAMAL
(11 tahun)
Presint 17, Putrajaya



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK199:

HADI ABDUL MANAP
(48 tahun)
Presint 9, Putrajaya

NABILLAH HUDA SULAIMAN
(29 tahun)
Wangsa Melawati, Kuala Lumpur

KHAIRUDDIN ABDUL RAHMAN
(52 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan





NORAZEAH

Ayam goreng AFC tawan selera warga Labuan



KHAIRUL IDIN

JAKA berada di bandar Labuan jangan lupa singgah ke gerai Ayang Fried Chicken (AFC) yang terletak berhadapan Hospital Labuan. Ini kerana keruguan ayam goreng yang dijual menjadi buulan ramai.

Tidak hairanlah ia sentiasa menerima kunjungan pembeli yang rata-ratanya jatuh cinta dengan aneka menu berdasarkan ayam yang terdapat di gerai tersebut. Antaranya burger crispy, chicken wing dan tortilla wrap.

Selain ayam goreng, terdapat juga menu seperti AFC nasi lemak Basmathi, comb nasi lemak dan ayam crispy serta minuman cendol letpup.

Bericara tentang gerai AFC, pemiliknya, **Norazeah Mohamad**, 37, mengakui dia memilih untuk bermula dengan ayam goreng kerana menu tersebut tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

"Apa yang penting, niat saya

mahu semua lapisan masyarakat dapat menikmati ayam goreng pada harga yang berpatutan. Harga menu di sini bermula RM4 sehingga RM11.50," ujarnya menjelaskan saiz ayam goreng yang dijual agak besar.

Bercerita lanjut tentang keistimewaan menu yang dijual di gerainya, Norazeah berkata ramuan perapan yang digunakan dibawakan khas dari Sabah dan Kuala Lumpur yang mana rasanya cukup enak.

"Bagi bancuhan tepung pula, saya tidak menggunakan tepung jenis premix yang ada di pasaran sebaliknya proses bancuhan dilakukan sendiri bagi memastikan adunan dan ramuan sebatik.

"Dengan perapan dan adunan yang serasi dapat menghasilkan ayam goreng lazat selain aromanya yang menusuk hidung," ujarnya sebanyak 42 kilogram paha ayam dan kepak diperuntukkan setiap hari selain lima kilogram beras Basmathi dan tiga kilogram santan untuk nasi lemak.

Ditanya tentang cabaran sepanjang bermula sejak setahun lalu, dia berkata harga ayam mentah di pasaran yang tidak menentu merupakan cabaran bagi peniaga seperti dirinya namun setakat ini ia

dapat diatasi.

"Untung yang banyak bukanlah apa yang saya kejar. Perniagaan ini adalah minat dan dalam masa yang sama saya nak bantu orang susah di luar sana untuk sama-sama dapat merasai makanan yang sedap.

"Saya gembira bila pelanggan bagi maklum balas mereka berpuas hati dengan kuantiti serta kualiti makanan yang dijual," ujarnya teruja kerana berjaya menambat hati masyarakat di pulau tersebut.

LEPAS JAWATAN BESAR DEMI MINAT

BERKONGSI detik awal menceburkan diri dalam perniagaan ayam goreng, Norazeah berkata minat yang begitu mendalam terhadap perniagaan membuatkannya rela melepaskan jawatan sebagai pengurus kewangan di sebuah syarikat swasta terkemuka.

"Sebelum ini hampir 10 tahun saya memegang jawatan tersebut namun saya tekad apabila keluarga merestui keputusan saya untuk meninggalkan kerja tetap sebelum ini. Bagi saya, restu adalah paling penting."



MENU	
NYAMAN HANTAP	
AFC Ayam Crispy	RM 6.00
AFC Popcorn Chicken	RM 6.00
AFC Chicken Wings	RM 3.50
AFC Bonbon Stick, Tungking	RM 2.00
AFC Chicken Rice Combo (Ayam + Special Rice + Air)	RM 10.00
AFC Popcorn Combo (Popcorn + Special Rice + Air)	RM 10.00
AFC Wings Combo (2 pcs Wings + Special Rice + Air)	RM 11.00
AFC Wings Banjir Set (Wings 4pcs + Sos Cheesy, Korean)	RM 15.00
AFC Special Rice	RM 3.00
Sos Cheesy	RM 2.00
Sos Korean	RM 2.00

"Selagi tidak mencuba kita tidak tahu sejauh mana kita mampu pergi. Usaha dan tawakal itu yang saya pegang untuk berjaya dalam bidang yang diceburi," ujarnya yang berpuas hati terhadap pencapaianannya untuk tempoh satu tahun kebelakangan ini.

Memandang jauh ke hadapan, dia kini sudah pun merancang untuk meluaskan lagi perniagaan ayam gorengnya ke Sabah, Sarawak serta Semenanjung," ujarnya yang kini merangka pelbagai promosi untuk AFC. **W.K**



Lebih 20 tahun usia Tasik dan Wetland Putrajaya

Aspek pengurusan lebih sistematik



AINI MAWAWI

TASIK Putrajaya telah pun menjangkau usia 21 tahun manakala Wetland pula berusia 25 tahun. Untuk itu, aspek pengurusan bersepudu dilaksanakan secara berkesan bagi menepati objektif pembangunannya untuk menjadi pusat sukan dan rekreasi air yang unggul.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland, Perbadanan Putrajaya (PPj),



NORMALIZA NOORDIN

keperluan kerja harian dan berkala serta pemantauan bagi mendapatkan data serta tindakan pengurusan dilaksanakan secara sistematis.

"Antaranya adalah kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah yang meliputi pelbagai jenis sampah. Misalnya sisa pepejal dan sampah pukal yang mana ia mudah



TASIK Putrajaya turut menjadi lokasi pilihan pelancong.

dilihat contohnya sampah sarap serta daun kering.

"Bagi sampah seperti sisa terlarut pula, ia agak sukar dikesan secara visual, jadi kita perlu lebih teliti dari aspek warna, bau selain data-data saintifik termasuk parameter bakteria," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, dari segi penyelenggaraan tumbuhan Wetland pula, ia dilaksanakan

dengan cekap agar berfungsi dengan baik untuk menyaring mendakan, menyerap nutrien berlebihan, menambah kandungan oksigen terlarut dan sebagainya melalui beberapa proses fizikal dan biokimia yang kompleks.

"Penyelenggaraan tumbuhan Wetland adalah termasuk kerja penuaan serta penanaman semula. Pada tahun 1996 hingga 1998, 12

juta pokok daripada 27 spesies ditanam semasa fasa pembinaan.

"Manakala sehingga 2022, 10 buah sel Wetland telah dikorek dan ditanam semula dan jumlah tumbuhan ditanam adalah 714,770 merangkumi 148 spesies," katanya kaedah penggunaan bot serta berjalan mengelilingi tasik untuk mengutip sampah turut dilaksanakan.

Ujarnya lagi, pihak PPj turut memandang serius bagi mengekang bahan cemar di peringkat punca di bawah inisiatif Local Agenda Putrajaya 21 (LA21) iaitu My Beautiful Wetland @ Upper Bisa P16.

"Dari segi struktur pula kita memasang perangkap sampah untuk menghalang sisa bahan yang tidak diingini seperti daun kering, botol air mineral, bekas makanan, puntung rokok, plastik dan lain-lain daripada terus masuk ke dalam kolam."

"Pihak kami juga melakukan pembinaan struktur raga batu (*gabion*) dilengkapi sabut serta karbon aktif yang diperbuat daripada arang tempurung kelapa yang mana struktur ini bertindak menyaring dan menapis bahan pepejal terampai seperti kelodak, menambah baik kualiti fizikal air dari segi bau, kejernihan dan rasa," ujarnya.

Katanya lagi, antara jenis sampah yang dibuang dan direkod terbahagi kepada dua jenis iaitu daun-daun pokok sementara sampah seperti botol air mineral, bekas makanan dan sampah kecil termasuk plastik pembungkus gula-gula dan puntung rokok masih ditahap peratusan yang rendah dan boleh dikawal. **WK**

MRT laluan Putrajaya beroperasi Mac depan

LAWATAN. Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud mengadakan lawatan kerja ke Projek Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya – Chan Sow Lin pada Rabu.

Fadlun bersama sebahagian tim PPj meluangkan masa lebih dua jam meninjau laluan tersebut sebelum ia beroperasi sepenuhnya menjelang Mac depan.

Sebagai rekod, laluan Fasa Satu melibatkan laluan dari kawasan Damansara hingga Kampung Batu sementara Fasa Dua laluan dari Kampung Batu hingga ke Putrajaya Sentral. **WK**



FADLUN (depan, kiri) ketika meninjau laluan MRT Putrajaya – Chan Sow Lin, pada Rabu.



MAKLUMAN
BERSEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2023, PPJ MEMBERIKAN

DISKAUN 50%

UNTUK SEWAAN KEMUDAHAN GELANGGANG SUKAN, GIMNASIUM, KOLAM RENANG SERTA SEWAAN BUGGY DAN BASIKAL DI TAMAN AWAM SEPANJANG BULAN FEBRUARI 2023.



Fokus latihan secara konsisten

Khairul Naim buru emas di Sukan SEA 2023

SABRINA SABRE

ATLET kayak Wilayah Persekutuan, Khairul Naim Zainal, 23, kini giat mempersiapkan diri sebelum menghadapi kejohanan Sukan SEA 2023 di Kemboja pada Mei ini.

"Persediaan saya sama seperti atlet lain iaitu menjalani latihan intensif selain perlu bersedia dari segi mental untuk kekal konsisten kerana mental yang sihat membolehkan saya untuk menikmati sesi latihan dengan lebih baik."

"Selain itu, saya juga mengambil berat dari segi pemakanan. Semakin menghampiri kejohanan, atlet perlu ambil lebih banyak karbohidrat seperti roti, coklat supaya badan lebih ringan."

"Sukan kayak ini memerlukan latihan yang konsisten, bukan sahaja untuk mengekalkan stamina tetapi juga untuk mengekalkan prestasi saya di dalam air. Saya akan lakukan sebaik baik untuk meraih pingat emas pada Sukan SEA kali ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi tentang cabaran yang dihadapi dalam sukan kayak, dia berkata persaingan dengan



AKSI Khairul Naim ketika SUKMA XX MSN 2022.

pemain-pemain yang lebih bagus dan berpengalaman menjadi cabaran utama buat dirinya.

"Bukan itu sahaja, jika dilihat hari ini, ramai pemain muda menunjukkan prestasi bagus dari hari ke hari. Sungguhpun begitu, secara tidak langsung ia mengingatkan saya untuk tidak cepat berasa selesa pada kedudukan sekarang.

"Walau apapun setakat ini, masa hadapan dunia kayak cerah dan sudah semestinya saya akan memberikan yang terbaik untuk kekal relevan. Saya turut mengimpikan peluang untuk beraksi dalam kejohanan antarabangsa dengan lebih banyak pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang, insya-Allah," ujar pelajar juru-

san Diploma Pengurusan Sukan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam ini.

Menjadikan atlet kayak negara Malaysia, Adam Aris sebagai idola dalam sukan ini, Khairul Naim turut memasang impian untuk berjaya seperti idolanya itu.

"Beliau merupakan atlet yang berkebolehan tinggi selain sen-

Pencapaian Khairul Naim

2022 – Sukan Malaysia (SUKMA) – Emas

2019 – International Canoe Federation Upper Lake – Tempat keempat

2019 - International Canoe Sprint World Championships, Szeged - Final

2019 - Tanjung Pinang International Canoe – Emas

tiasa menunjukkan prestasi yang cemerlang pada setiap kali beraksi. Kejayaannya bukan sahaja menjadi pendorong kepada saya bahkan saya yakin kepada semua yang berminat dengan sukan ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Khairul Naim berkata dia bersyukur kerana keluarga tidak pernah menghalang minatnya terhadap sukan kayak malah sentiasa memberikan dorongan dan semangat untuk terus menjadi lebih baik pada masa hadapan.

"Alhamdulillah, jiwa saya memang sejak kecil lagi meminta sukan ini selain merasakan masa hadapan saya cerah untuk terus berada dalam sukan kayak ini," ujar anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini. **WK**

"YWP sedia hadapi pertarungan PESAYA-14" - Zaizalnizam

HAZIRAH HALIM

61 peserta mewakili kontinjen Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bakal berentap bagi merebut pingat Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia ke-14 (PESAYA-14) di Kuching, Sarawak pada 10 hingga 20 Februari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata kontinjen YWP sudah bersedia sepenuhnya dari segi peralatan, kelengkapan sukan, sesi latihan permainan dan kecergasan termasuklah persiapan fizikal dan mental untuk menghadapi kejohanan sukan tersebut.

"Insya-Allah kita sudah bersedia sepenuhnya untuk menghadapi sukan antara negeri ini terutamanya dari segi fizikal, mental dan emosi setiap peserta bahkan persepsi kecergasan dan latihan sukan dalam setiap permainan yang terlibat juga telah dilaksanakan sebaik mungkin."

"Saya ingin mengingatkan bahawa PESAYA ini

sememangnya satu kejohanan sukan yang menjadi sasaran kepada setiap kontinjen negeri untuk memperoleh kemenangan termasuklah YWP.

"Namun, pada masa sama saya harap kita datang bukan hanya mengejar pingat semata sebaliknya turut mengeratkan hubungan silaturahim antara setiap yayasan supaya dapat menjalinkan satu kerjasama baik pada masa hadapan," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Zaizalnizam

memberi kata-kata semangat serta turut menyerahkan kelengkapan seperti beg, baju dan kasut kepada setiap peserta yang mewakili YWP bagi kejohanan sukan PESAYA ke-14 di Wisma YWP, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada Selasa.

Terdahulu, beliau berharap semua peserta dapat menunjukkan prestasi terbaik di samping mengharumkan dan menaikkan kedudukan YWP pada PESAYA kali ini. **WK**



PESERTA YWP mendengar amanat yang disampaikan oleh Zaizalnizam sebelum berangkat ke Kuching, Sarawak.

Sukan SEA: Kem taekwondo negara sasar dua emas

TAEKWONDO Malaysia (TM) yakin dapat mencapai sasaran dua pingat emas pada temasya Sukan SEA ke-32 Kemboja di Phnom Penh pada 5 hingga 16 Mei ini.

Setiausaha Agung TM, R. Dhanaraj berkata sasaran realistik itu dapat memperbaiki pencapaian kem taekwondo negara pada edisi sebelum ini, iaitu meraih satu emas

masing-masing pada 2019 menerusi acara poomsae dan acara kyorugi pada 2022.

"TM turut menyasarkan satu perak dan tiga gangsa pada edisi kali ini," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sukan (JKK) di Majlis Sukan Negara (MSN) di Bukit Jalil.

Pada Sukan SEA Filipina 2019, pasukan taekwondo negara membawa pulang satu emas, dua perak dan lima gangsa manakala satu emas, satu perak dan tiga gangsa pada edisi

di Hanoi, Vietnam, tahun lepas.

Menurutnya, pasukan taekwondo negara bakal menyertai 15 daripada 24 acara yang dipertandingkan pada temasya dwitahunan itu.

Beliau berkata TM dalam masa sama sedang membuat persiapan rapi berhubung senarai nama penuh atlet yang bakal menggalas cabaran

di Kemboja sebelum ia dimulakan pada 19 Februari ini.

"TM masih belum memutuskannya kerana terdapat kejohanan kebangsaan akan diadakan pada pertengahan bulan nanti. Di situ kita akan nilai prestasi sebelum memutuskan atlet terbaik ke Sukan SEA."

"Selepas itu atlet yang terpilih akan melakukan persiapan ke Kejohanan praSukan SEA pada Mac diikuti kem latihan di Korea Selatan selama enam minggu sebelum ke Kemboja," katanya.

- BERNAMA





Sasar 150 kes selesai pada 2023

YMFH realisasi hasrat B40 miliki rumah

HAZIRAH HALIM

DALAM usaha membantu golongan berpendapatan rendah (B40) memiliki rumah pertama, Yayasan My First Home (YMFH) mengambil pelbagai langkah mengurangkan jurang antara kemampuan masyarakat untuk mempunyai rumah di Malaysia khususnya dalam kalan- gan kategori tersebut.

Pengurus Besar YMFH, **Nambee Ashvin Nambiar** berkata kehidupan masyarakat sentiasa menjadi keutamaan pihaknya terutama dari aspek kualiti hidup dan keselesaan sebuah keluarga di rumah.



NAMBEE

"Pada masa ini, kebanyakan rumah di Malaysia boleh dianggap sempit dan kurang selesa terutama buat keluarga yang mempunyai bilangan isi rumah yang besar kerana rata-ratanya memiliki rumah berkeluasan sederhana, bilik yang terhad iaitu tiga bilik tidur dan dua bilik air sahaja.

"Yayasan percaya bahawa kese-

lesaan keluarga isi rumah adalah penting untuk jangka masa panjang. Kami nekad mendekati kumpulan berpendapatan rendah (B40) dan minoriti di Malaysia untuk mengurangkan jurang antara kemampuan memiliki rumah dalam masyarakat serta pembiayaan rumah yang bertepatan dan bersesuaian," katanya.

Pada tahun 2022, YMFH telah berjaya membantu 19 pemohon merangkumi golongan B40, komuniti orang asli dan setinggan di seluruh Malaysia mendapatkan rumah pertama mereka.

"Bagi kategori setinggan, pihak kami telah mendekati komuniti

ini melalui bantuan Melati Ehsan daripada pemaju perumahan dengan memberi pinjaman tanpa faedah meliputi pembelian rumah dan yuran guaman sebanyak RM65,000 hingga RM67,000 dan akhirnya mereka dapat menukar rumah daripada kawasan setinggan kepada pangaspuri kos rendah.

"Di samping itu, pihak kami



YMFH mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan jurang antara kemampuan masyarakat untuk mempunyai rumah di Malaysia khususnya dalam kalan- gan kategori B40.

juga telah berjaya merealisasikan impian sebuah keluarga di Kampung Orang Asli Serigala, Kuala Kubu Baru membina rumah bagi keselesaan keluarga

dengan kos pembinaan sebanyak RM60,000. Pembinaan rumah itu bermula dari 24 sehingga 26 Disember 2022. Dengan bantuan duit tersebut, keluarga tersebut

berjaya memiliki sebuah rumah yang mempunyai tiga bilik tidur, ruang tamu dan ruang memasak," ujarnya lagi.

Sementara itu, bagi tahun 2023, YMFH menyasarkan 150 kes membabitkan pemilikan rumah dalam kategori tersebut akan diselesaikan serta berharap dapat bekerjasama dengan lebih ramai pemaju lain untuk mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik supaya lebih banyak golongan sasaran dapat dibantu.

Terdahulu, YMFH merupakan sebuah yayasan kebajikan yang ditubuhkan pada 23 Disember 2021 sebagai syarikat jaminan terhad di bawah Akta Syarikat 2016 dan ia berperanan sebagai penggerak untuk mengumpulkan pihak berkepentingan, pemaju perumahan termasuklah pembawa untuk memastikan golongan sasaran khususnya kategori B40 mampu memiliki rumah sekali gus dapat merealisasikan matlamat utama penubuhannya.

Untuk sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh layari laman web rasmi YMFH di www.yayasanmyfirsthome.my. **WK**

Cawangan kedua Hospital Islam Az-Zahrah di BTHO

HOSPITAL Islam Az-Zahrah yang merupakan hospital swasta pertama di kawasan Bangi dan Kajang bakal membuka cawangan kedua di Bandar Tun Hussein Onn (BTHO) pada tahun ini.

Menurut Timbalan Pengurus Besarnya, **Ali Karimi Abdul Rahman**, setakat ini 80 peratus proses sudah pun berjalan dan hampir siap dalam tempoh terdekat sekali gus bakal dilancarkan selewat-lewatnya pertengahan tahun ini.

"Biarpun kawasan tersebut padat namun kami mendapat permintaan ramai daripada penduduk di sekitar BTHO dan kawasan sekitar untuk membuka cawangan di sana.

"Kami memandang serius dengan permintaan pelanggan dan sentiasa mencuba untuk melakukan terbaik dan percaya model perniagaan Hospital Islam Az-Zahrah yang berkonsepkan Hospital Mesra Ibadah ini matang untuk dikembangkan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, Hospital Islam Az-Zahrah juga dalam perancangan

jangka masa panjang untuk menubuhkan 10 rangkaian di seluruh negara dalam tempoh 10 tahun.

"Satu unit khas telah ditubuhkan untuk merealisasikan visi ini di mana pasukan yang muda sedang dilatih dan bakat-bakat baharu akan ditambah agar usaha melebarkan perkhidmatan dengan rancangan menubuhkan rangkaian hospital di seluruh Malaysia dapat dilakar dan dilaksanakan," ujar beliau dalam sidang media sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-25 Hospital Islam Az-Zahrah di Hotel Tenera Bangi, Selasa lalu. **WK**



ALI Karimi (tengah) ketika sesi sidang media yang berlangsung di Hotel Tenera Bangi, Selasa lalu.

Putus tunang, Zarina Anjoulie, Khazrul Elzey tetap sahabat

KISAH putus tunang selebriti sensasi Zarina Anjoulie, 35, Anju dengan Datuk Seri Khazrul Elzey menjadi inspirasi ramai kerana kedua-duanya masih mahu bersahabat.

Baru-baru ini, tular hantaran yang dibuat Khazrul di laman sosial TikTok mengakui putus tunang bukanlah pengakhiran hubungan mereka.

Selain berharap mereka terus bersahabat, ahli perniagaan yang berstatus duda itu turut mendoakan Anju bertemu dengan lelaki lebih baik berbanding dirinya.

"Kita hanya merancang, Allah SWT yang menentukan. Papa (gelarannya untuk Zarina) tidak sebaik mana yang mama impikan. Kita berdua masih ada kekurangan.

"Semoga kita akan terus menjadi sahabat. Papa doakan mama dapat orang yang lebih baik."

"Terima kasih atas cinta mama kepada papa. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalaunya di akhirat kelak. I love you (saya sayang awak)," ujarnya.

Dalam hantaran sama,

Khazrul turut berkongsi gambar-gambar bersama Zarina.

Rata-rata netizen kagum dengan sikap mereka yang tidak berbalah atau 'berperang' dalam media sosial seperti sesetengah artis lain.

Terdahulu, pada 26 Januari lalu, Zarina yang juga pelakon Hantu Kuat Ketawa mendedahkan sudah bertunang dengan Khazrul namun tidak berkongsi tarikhnya.

Difahamkan majlis pernikahan pasangan tersebut akan berlangsung pada Mac ini, malah bakal suaminya juga telah membeli rumah baru di sebuah kawasan elit. **WK**

